



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TEKS UCAPAN SELAMA ISTADAT
KONVOKASI PENDIDIKAN
DI DEWAN AGONG MARA CONVENTION

SUSUNAN SIDANG DAN PENGANUGERAH
ISTIADAT KONVOKESYEN UTM KE-74 PADA MEI 2011
Di DEWAN AGONG TUANKU CANSelor, UTM SHAH ALAM

BIL	TARIKH/HARI / MASA	SIDANG	PENGANUGERAH	JUMLAH GRADUAN	PROGRAM
1.	12/5/2011 Khamis 7.30 pagi	1	Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor	704	AC990, AD990, AP990, AS990, BM990, CS991, EC990, EM990, IM990/IS990, MC990, PH990, AC770, AC772, AC773, AD771, AD772, AD774, AD780, AM770, AM780, AP772, AP775, AP776, AP777, AP780, AS770, AS780, BM770, BM771, CS770, CS771, CS772, CS777, CS778, CS780, DS780, EC771, EC772, EC773, EC774, EC775, EC780, ED720, ED722, ED725, EE770, EE780, EH780, EM774, EM780, HM770, HM771, HM772, HM775, HM780, HM781, HS770, IM770/IS770, IM771/IS771, IM772/IS772, LW770, LW771, LW772, LW775, MC771, MU720, OM771, PH780, SR770
2.	13/5/2011 Jumaat 7.30 pagi	2	YBhg. Tan Sri Datuk (Dr) Haji Arshad Ayub	1053	MBBS220, PH210, PH110. AD221, AD222, AD223, AD224, AD225, AD226, AD227, AD228, AD230, AD111, AD112, AD113, AD114, AD116, AD117, AD118, AD120, MU220, MU221, MU222, MU110. LG220, LG221. - Fakulti Perubatan - Fakulti Farmasi - Fakulti Seni Lukis & Seni Reka - Fakulti Muzik - Akademi Pengajian Bahasa

BIL	TARIKH/HARI/ MASA	SIDANG	PENGANUGERAH	JUMLAH GRADUAN	PROGRAM
3.	14/5/2011 Sabtu 7.30 pagi	3	YBhg. Tan Sri Datuk (Dr) Haji Arshad Ayub	900	AS201, AS202, AS203, AS220, AS223, AS224, AS225, AS226, AS227, AS228, AS229, AS230, AS231, AS232, AS233, AS110, AS114, AS116, AS117, AS118, AS120. - Fakulti Sains Gunaan
4.	14/5/2011 Sabtu 12.30 tengah hari	4	YBhg. Tan Sri Datuk (Dr) Haji Arshad Ayub	1,213	CT221, CT222, CT223, CT224, CT225, CT226, CT111, CT112, CT113, CT114. HM220, HM221, HM222, HM225, HM110, HM111, HM112, HM115. AM225, AM228, AM110 - Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik - Fakulti Pengurusan Hotel & Perlancongan - Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
5.	15/5/2011 Ahad 7.30 pagi	5	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed	1,169	BM222, BM224, BM225, BM111, BM114, BM115, BM117 - Fakulti Pengurusan Perniagaan
6.	15/5/2011 Ahad 12.30 tengah hari	6	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed	1,215	BM552, BM216, BM220, BM221, BM223, BM226, BM229, BM230, BM112 - Fakulti Pengurusan Perniagaan
16/5/2011 (ISNIN) dan 17/05/2011 (SELASA)					
ISTIADAT KONVOKESYEN DITANGGUHKAN UNTUK EDARAN JUBAH					

BIL	TARIKH/HARI/ MASA	SIDANG	PENGANUGERAH	JUMLAH GRADUAN	PROGRAM
7.	18/5/2011 Rabu 7.30 pagi	7	YBhg. Tan Sri Nuraizah binti Abdul Hamid	1,034	HS220, HS222, HS224, HS225, HS110, HS112, HS113, HS114, HS115, IM220, IM221, IM222, IM223, IM110. ED330, ED220, ED226, LW601, LW222, LW213. - Fakulti Sains Kesihatan - Fakulti Pengurusan Maklumat - Fakulti Pendidikan - Fakulti Undang-Undang
8.	18/5/2011 Rabu 12.30 tengah hari	8	YBhg. Tan Sri Nuraizah binti Abdul Hamid	1,225	CS220, CS221, CS222, CS223, CS224, CS225, CS226, CS227, CS228, CS229, CS230, CS231, CS233, CS110, CS111, CS112, CS113. MC221, MC222, MC223, MC224, MC225, MC226, MC227, MC228, MC110, SR221, SR223, SR113. - Fakulti Sains Komputer & Matematik - Fakulti Komunikasi & Pengajian Media - Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
9.	19/5/2011 Khamis 7.30 pagi	9	YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar	1,261	AC551, AC552, AC450, AC220, AC150, AC120, AC110 (Dari abjad A hingga Mohamad Shaiful Azrul Bin Anuar) OM221, OM222, OM223, OM224, OM114 - Fakulti Perakaunan - Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat
10.	19/5/2011 Khamis 12.30 tengah hari	10	YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar	1,201	AP220, AP221, AP223, AP224, AP225, AP226, AP227, AP228, AP229, AP230, AP213. AC110 (Mohd Amirul Afiq Bin Mat Darus hingga abjad Z) - Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur - Fakulti Perakaunan

BIL	TARIKH/HARI/ MASA	SIDANG	PENGANUGERAH	JUMLAH GRADUAN	PROGRAM
11.	20/5/2011 Jumaat 7.30 pagi	11	YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar	1,113	EC220, EC110, EE220, EE111, EE112, EE113, EH220, EH221, EH110, EM220, EM221, EM110. - Fakulti Kejuruteraan Awam - Fakulti Kejuruteraan Elektrik - Fakulti Kejuruteraan Kimia - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
			JUMLAH	12,088	

Disediakan oleh : Bahagian Pengurusan Rekod Pelajar & Konvokesyen
Pejabat Pendaftaran

Tarikh : 06/05/2011

NOTA :

TARIKH PENGEDARAN JUBAH	MASA
09/05/2011(Isnin)	
10/05/2011(Selasa)	Pagi dan Petang
16/05/2011(Isnin)	
17/05/2011(Selasa)	Pagi

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 74

SIDANG 1
12/5/2011
KHAMIS

Bismillahir Rahmannir TITAH UCAPAN

Wabih Nasta'in

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

AS AL-WATIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

IBNI AL-MARHUM

SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH

1. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu

TUANKU CANSELOR

Raja Permaisuri Agong berangkat ke Sidang Pertama Istiadat

PADA SIDANG PERTAMA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-74

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

DI

2. Beta m DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR

SHAH ALAM

Agong Tuanku Canselor yang baharu sahaja Beta rasmikan

sebentar tadi. Beta **KHAMIS, 12 MEI 2011**

Bismillahir Rahmannir Rahim, Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin,

Wabihi Nasta'in.

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh dan salam
sejahtera untuk sekalian hadirin.

1. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala, atas segala nikmat-Nya, yang mengizinkan Beta dan
Raja Permaisuri Agong berangkat ke Sidang Pertama Istiadat
Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-74 pada pagi yang
bersejarah ini.

2. Beta menganggap hari ini amat bersejarah kerana inilah buat
julung kalinya istiadat konvokesyen UiTM diadakan di Dewan
Agong Tuanku Canselor yang baharu sahaja Beta rasmikan
sebentar tadi. Beta pasti, dewan yang serba indah ini akan
diperlengkapkan lagi dengan pelbagai kemudahan yang
selayaknya sejajar dengan kedudukan UiTM sebagai sebuah

universiti terbesar dan terulung di negara ini. Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa, semoga dengan bermulanya kumpulan pertama yang bergraduat pada hari ini, Dewan Agong Tuanku Canselor ini akan terus menjadi saksi kepada bukan sahaja ratusan ribu, malah jutaan pelajar UiTM yang akan dinobatkan sebagai graduan pada masa hadapan. Insya-Allah.

3. Pagi ini juga bersejarah kerana UiTM telah memasyhorkan dua orang Pro-Canselor yang baru, iaitu Tan Sri Dato' Seri (Dr.)

Salehuddin bin Mohamed dan Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid.

Beta dan Raja Permaisuri Agong ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pemasyhoran tersebut, dan mendoakan agar Allah sentiasa memberi petunjuk dan hidayah kepada kedua-dua Pro-Canselor serta seluruh warga universiti agar terus dapat berbakti kepada agama, bangsa, dan negara.

4. Kepada para graduan, Beta dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan syabas atas pencapaian dan kejayaan masing-

masing. Beta berharap, pencapaian ini akan mendorong para graduan untuk berusaha menggapai kejayaan yang lebih tinggi. Beta yakin, apabila lebih ramai rakyat Malaysia berpelajaran serta berilmu tinggi, kita akan menjadi lebih bijaksana dalam membuat sebarang keputusan dan tindakan. Dengan itu juga negara kita akan terus melangkah menjadi sebuah negara maju, dengan lebih yakin dan berani.

5. Pada hari bersejarah ini, Beta juga berharap para graduan tidak lupa untuk bersyukur kepada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga, terutamanya ibu bapa yang sentiasa mendorong dan mendoakan kejayaan para graduan. Sehubungan itu Beta dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan tahniah kepada ibu bapa serta ahli-ahli keluarga yang turut memainkan peranan terhadap kejayaan para graduan sekalian.

6. Kepada seluruh warga UiTM, Beta ucapkan tahniah atas usaha gigih untuk mengubah destini anak bangsa ke arah yang

lebih cemerlang. Sesungguhnya kejayaan para graduan hari ini adalah sebagai satu testimoni terbaik terhadap komitmen warga UiTM keseluruhannya.

Komitmen ini bukan sekadar di dalam negara sahaja, malah Beta dipersembah maklum bahawa UiTM telah mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti dan institusi tersohor di dunia untuk mempertingkatkan lagi mutu akademik di universiti ini di dalam pelbagai bidang. Beta percaya, UiTM mempunyai cara dan pendekatan tersendiri dalam usaha mengantarabangsakan universiti ini. Maka tidak hairanlah UiTM telah dipilih oleh para pengguna sebagai sebuah universiti yang dipercayai, atau "a trusted brand" di dalam negara ini.

7. Beta amat sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi kepercayaan kepada sebuah universiti yang tersohor di dunia iaitu Massachusetts Institute of Technology atau MIT, untuk menubuh dan membangunkan Malaysian Institute for

Supply Chain Innovation atau MISI yang akan terletak di Shah Alam, di mana UiTM mempunyai peranannya yang tersendiri. Melalui usahasama ini pensyarah dan penyelidik UiTM akan berinteraksi dan dapat berkongsi pengalaman dengan pakar-pakar dalam bidang pengangkutan dan rantaian pembekalan dari negara Amerika Syarikat dan Eropah.

Beta juga amat bersukacita apabila UiTM telah memeterai perjanjian dengan University of East London baru-baru ini untuk menawarkan pengajian peringkat MBA dalam bidang Kewangan Islam di London. Pada pandangan Beta, ini bukan sahaja mampu meletakkan UiTM dalam peta dunia, malah merupakan satu pendekatan dakwah Islamiah pada peringkat yang amat tinggi martabatnya.

8. Beta juga amat sukacita dengan penubuhan "Arshad Ayub Graduate Business School" atau AAGBS, yang akan turut meletakkan UiTM di dalam peta dunia melalui tawaran pengajian

peringkat sarjana yang terbaik di dunia. Sebagai permulaan AAGBS akan bekerjasama dengan dua buah institusi yang tersohor di dunia, iaitu INSEAD Business School dan KETS de VRIES INSTITUTE (KDVI) dari Perancis, bagi menubuhkan Pusat Kepimpinan atau Leadership Centre, yang akan melatih pemimpin-pemimpin industri dalam negara dan juga dari seluruh dunia.

9. Syabas Beta ucapan kepada Naib Canselor, Yang Berbahagia Dato' Profesor Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, yang mana dalam tempoh tidak sampai satu tahun setengah memegang tampuk kepimpinan, telah membawa pembaharuan yang sangat berkesan dan bermakna kepada UiTM. Impaknya kita dapat lihat bukan sahaja di dalam negara, malah telah meletakkan UiTM di dalam peta dunia. Tahniah kepada UiTM atas daya usaha dan kerjasama bijak dan kreatif seumpama ini.

Sekian. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

10. Justeru, Beta menyeru semua pensyarah di dalam negara ini, khususnya di UiTM, untuk teruskan budaya pengajaran yang berkualiti tinggi, dan pada masa yang sama memajukan budaya inovasi dan kreativiti di dalam universiti. Dengan penumpuan ke arah ini, kita akan membantu negara menjadi salah sebuah negara yang tergolong di dalam kelompok sepuluh terbaik di dunia dalam aspek inovasi dan kreatif. Dengan pencapaian sedemikian, universiti kita dan negara kita akan dipandang mulia dan dihormati. Insya-Allah.

11. Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong mendoakan agar Konvokesyen ke-74 UiTM ini berjalan dengan lancar dan selamat, serta, semua warga universiti mendapat keberkatan dan dilindungi Allah daripada sebarang musibah. Dengan izin-Nya jua dapatlah UiTM terus bergerak maju bagi mengubah destini anak bangsa di atas muka bumi Allah ini.

Sekian. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN ALUAN NAIB CANSELOR

Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar

SIDANG 1

ISTIADAT KONVOKESYEN KE-74

Universiti Teknologi MARA

Di Dewan Agong Tuanku Canselor

Khamis, 12/5/2011

Bismillahirrahimannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menghadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Canselor Universiti Teknologi MARA, dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Ampun Tuanku.

Pekat biru di hujung mentari,

Alamatnya nanti cerahlah siang:

Daulat Tuanku memancar berseri,

Istiadat nan indah bertambah gemilang.

Patik dengan penuh hormat dan ta'zim, menjunjung kasih, atas keberangkatan Tuanku Seri Paduka berdua, bercemar duli, ke Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-74 pada pagi ini.

Patik serta seluruh warga UiTM, juga, menjunjung kasih atas berkenannya Seri Paduka Tuanku menyempurnakan istiadat perasmian Dewan Agong Tuanku Canselor, sebentar tadi.

Walaupun istiadatnya berlangsung secara sederhana, namun ia akan tetap menjadi satu tarikh penting dalam sejarah universiti, dan menjadi ingatan abadi dalam kenangan patik sekalian.

Patik juga menjunjung kasih atas berkenannya Tuanku menyempurnakan istiadat perisytiharan dua pacal Pro-Canselor

UiTM yang baru iaitu iaitu Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Salehuddin bin Mohamed dan Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid, sebentar tadi.

Patik juga ingin menyembah maklum, dalam Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen UiTM ke-74 ini, Tuanku Canselor akan mengurniakan ijazah kepada 27 orang graduan di peringkat ijazah doktor falsafah dan 677 graduan di peringkat sarjana.

Ampun Tuanku;

Patik serta seluruh warga UiTM amat berbesar hati atas keprihatinan dan komitmen yang amat tinggi yang Tuanku berikan terhadap universiti ini. Justeru patik sekalian berdoa agar Tuanku senantiasa dilindungi Allah serta dikurniakan kedaulatan dan kemuliaan yang tinggi agar dapat terus mendorong negara ini mencapai kejayaan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Insya-Allah.

Seterusnya patik memohon izin, untuk patik menyampaikan ucapan kepada sidang hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Salutations....

Yang Berbahagia Barisan Pro Canselor UiTM, Tan Sri Datuk Seri Haji Arshad Ayub dan isteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Rahman Arshad dan isteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Sri Sallehuddin Mohamed;

Dan

Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid dan suami;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, Pengurus Lembaga Pengarah UiTM dan isteri;

Tuan Yang Terutama Duta-Duta;

Tetamu-tetamu kehormat;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah;

Barisan Timbalan-Timbalan Naib Canselor; Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi UiTM; Barisan Rektor Kampus UiTM Cawangan; Para Dekan; Rakan-rakan UiTM daripada pihak media; Para graduan serta ibu bapa yang diraikan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh; Selamat Sejahtera, Salam Satu Malaysia, dan UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana kita semua diberi kesempatan berhimpun bagi meraikan para graduan dalam Sidang Pertama Konvokesyen UiTM Kali ke -74 pada pagi ini.

Saya ucapkan selamat datang ke Dewan Agong Tuanku Canselor, atau singkatannya DATC, yang indah ini, kepada sekalian hadirin.

Dengan terbinanya dewan ini, telah membolehkan kita menganjur pelbagai acara yang besar, terutamanya istiadat konvokesyen, dan seumpamanya, dengan lebih meriah dan selesa lagi.

Oleh kerana dewan ini baru sahaja siap, saya pasti masih terdapat banyak kekurangan dan ruang untuk penambahbaikan. Justeru, saya terlebih dahulu memohon maaf atas sebarang ketidak sempurnaan yang terdapat di dewan ini, serta di sepanjang penganjuran istiadat konvokesyen ini.

Untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian, Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-74 ini akan berlangsung dalam 11 sidang di kampus induk Shah Alam, 3 sidang masing-masing di UiTM Perlis dan Terengganu, serta 2 sidang di Perak dan di Sarawak. Manakala jumlah graduan pula adalah seramai 15,701 orang.

Dengan jumlah tersebut, UiTM kini telah melahirkan seramai 435,872 orang graduan di sepanjang kewujudannya.

Pada masa yang sama pula, seramai 200,000 orang pelajar sedang menuntut dalam sistem UiTM di seluruh negara.

Kepada para graduan, ibu bapa dan ahli-ahli keluarga, saya ucapkan tahniah atas kejayaan yang telah diperolehi.

Kepada semua kakitangan UiTM pula, saya ucapkan jutaan terima kasih atas segala sumbangan usaha sepanjang pengajuran istiadat konvokesyen kali ini.

Hadirin sekalian;

UiTM sentiasa memastikan kualiti akademik dan graduannya berada pada tahap yang tertinggi. Hasilnya kita dapat lihat, makin ramai calon yang mempunyai kelulusan peperiksaan yang terbaik memilih UiTM sebagai tempat untuk belajar.

Pada masa yang sama, melalui satu program khas, yang kita namakan Mengubah Destini Anak Bangsa, UiTM juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar miskin, yang keputusan SPM mereka kurang memberangsang, untuk memasuki UiTM.

Usaha ini membuktikan kebenaran falsafah UiTM itu sendiri, iaitu, jika diberi peluang, anak-anak kita mampu menjadi insan yang cemerlang.

Untuk makluman hadirin; Buat masa ini UiTM hanya mampu menerima masuk lebih kurang 20,000 orang pelajar setiap semester. Wal hal, calon yang memohon untuk memasuki universiti ini telah

meningkat. Buktinya, untuk kemasukan Bulan Jun tahun ini, lebih 275,000 orang calon telah memilih UiTM sebagai pilihan pertama. Ini menunjukkan, UiTM terus menjadi pilihan utama pelajar dan menjadi kepercayaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar.

Saya percaya, ini adalah hasil daripada komitmen yang tinggi oleh semua kakitangan UiTM di setiap peringkat, serta sokongan padu daripada pihak kerajaan.

Akhir kata, saya berharap, sepanjang para graduan belajar di UiTM, universiti ini telah memberi satu pengalaman kehidupan, bukan sahaja dari segi akademik, malah kesedaran tentang kedudukan bangsa kita, serta betapa pentingnya setiap daripada kita memainkan peranan memperjuangkan dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa, dan agama kita, agar ianya berterusan sehingga akhir zaman. Insya-Allah.

Ampun Tuanku;

Sekadar itu sahaja sembah ucapan patik. Atas segala kekurangan,
patik memohon ampun dan maaf.

Ampun Tuanku.

Sekian, Wabilahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 74

**SIDANG 2
13/5/2011
JUMAT**

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

13 MEI 2011 (JUMAAT)

SIDANG KEDUA

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KEDUA (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan kurnia dan izin-Nya maka dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk menyempurnakan Istiadat Konvokeysen UiTM yang ke-74 ini.

Hari ini adalah hari kecemerlangan, kejayaan dan bersejarah bagi warga UiTM kerana telah berjaya melahirkan graduan di peringkat ijazah seramai 935 orang dan hari ini juga adalah hari kejayaan bagi kaum keluarga para pelajar yang disayangi.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada ibu bapa atas pengorbanan yang diberi demi kejayaan anak-anak mereka. Begitu juga dengan para pensyarah yang begitu dedikasi

mendidik anak bangsa sampai ke peringkat sebagaimana pada hari ini.

Syabas saya ucapkan kepada fakulti-fakulti yang berjaya melahirkan para graduan mereka, dan saya mengucapkan tahniah kepada para graduan ke atas kejayaan anda semua. Hari ini adalah hari kejayaan hasil usaha gigih, penat lelah selama ini demi memenuhi tanggungjawab anda sebagai seorang anak dan seorang pelajar.

Ganjarannya adalah anda telah memiliki sekeping ijazah sebagai hadiah kepada pengorbanan ibu bapa selama anda berada di UiTM.

Justeru dengan kecemerlangan ini, saya ingatkan kepada saudara-saudari semua supaya janganlah kita alpa akan tanggungjawab kita kepada pengorbanan ibu bapa selama ini dan

hormati dan layanilah mereka seikhlas-ikhlasnya, dan dengan penuh kasih sayang yang tak terhingga. Tanpa sokongan, galakan dan pengorbanan dari mereka tidak mungkin anda mengecapi kejayaan pada hari ini.

Sumbanglah ilmu yang diperolehi dengan sebaik mungkin kepada masyarakat dan yang diperlukan demi menjaga maruah diri, ibu bapa dan negara. Janganlah kita mendekati budaya mementingkan diri sendiri, angkuh, melakukan penyelewengan dan rasuah, kerana jika ini berlaku, maka sia-sialah pengorbanan ibu bapa dan usaha serta penat lelah anda dalam mendapatkan ilmu. Bukan sahaja maruah atau imej keluarga dan bangsa kita tercemar tetapi juga ia akan membawa kepada kredibiliti dan persepsi imej UiTM dan negara juga turut tercemar.

Ini adalah masanya bagi saudara-saudari untuk menyumbang bakti, memberi khidmat kepada masyarakat dan negara daripada

hasil didikan dan ilmu yang dicurahkan oleh para pensyarah kepada anda selama ini. Di alam pekerjaan kelak jalankan tugas secara profesional, dengan penuh keyakinan, bertanggungjawab, dedikasi, komited, kompeten dan mempunyai daya tahan diri yang kuat.

Dapatkan pengiktirafan sumbangan kepakaran saudara-saudari dengan cara yang mulia dan profesional supaya bangsa kita dihormati dan disanjung di kalangan masyarakat, dan berjaya menduduki persada yang terulung di peringkat global.

Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara-saudari di atas kejayaan yang dicapai, dan tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para ibu-bapa dan saudara mara para graduan kerana telah bersama-sama memberi pengorbanan serta hadir meraikan kejayaan anak-anak

mereka pada hari yang bersejarah ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hari ini para graduan telah berjaya dianugerahkan dengan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma dari Fakulti Perubatan, Fakulti Farmasi, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Seni Muzik, dan Akademi Pengajian Bahasa. Setiap fakulti mempunyai kekuatan dan kecemerlangannya serta perancangannya tersendiri bagi mengeluarkan graduan yang berjaya, berkepakaran, cemerlang dan profesional bagi menampung keperluan industri di negara ini, dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara di persada global.

Sumbangan oleh fakulti-fakulti ini kepada anak bangsa khususnya bumiputera dalam memberi ilmu dan menghasilkan

para graduan yang berjaya dan cemerlang adalah dihargai dan perlu diberi pujian yang tidak terhingga.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Fakulti Perubatan pada tahun ini mengeluarkan kumpulan keempat graduan berjumlah 117 orang. Dengan ini dalam usia 8 tahun sejak penubuhannya, Fakulti Perubatan UiTM telah melahirkan 285 doktor perubatan yang berkelayakan dan yang memenuhi ciri-ciri global masa kini dan masa depan. Fakulti Perubatan khususnya dan UiTM umumnya telah berjaya membentuk rangkaian kerjasama dengan universiti-universiti tersohor dunia seperti Harvard, John Hopkins, McMaster dan McGill di Amerika Syarikat dan Kanada, Melbourne di Australia, Karolinska Institute di Sweden dan United Kingdom. Melalui kerjasama tersebut fakulti akan meningkatkan program pertukaran pensyarah, penyelidikan dan latihan untuk pensyarah-pensyarah pelatih. Sehubungan itu saya menyeru graduan

sekalian supaya mengambil peluang untuk menjadi tenaga pengajar pelatih bagi mendapatkan latihan kepakaran di universiti-universiti terkemuka tersebut.

Fakulti Farmasi pada hari ini telah mengeluarkan seramai 7 orang graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Farmasi sementara 26 orang menerima Diploma Farmasi. Bagi graduan diploma, 23 orang daripada mereka terdiri dari franchise UiTM di Melaka, *Malacca International College of Science and Technology* di mana ini adalah kumpulan ketiga sejak tahun 2010.

Jaringan kerjasama Fakulti Farmasi dengan industri telah lama wujud dan sentiasa berkembang. Sehingga kini sebanyak 13 organisasi telah menandatangani MOU/MOA dengan Fakulti Farmasi. Daripada senarai itu, 3 daripadanya adalah dari Universiti luar Negara, iaitu School of Pharmacy, University of

London, Liverpool John Moores University, Liverpool dan Ohio University, USA.

Manakala, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah berjaya membentuk nasib anak-anak bangsa ke tahap yang membanggakan. Kebanyakan graduan-graduan yang dihasilkan telah mendapat pengiktirafan dan juga telah menempa nama dalam industri seni visual baik di peringkat nasional mahu pun global. Ada di antara graduan ini menjadi perunding reka bentuk, pelukis dan pereka yang disegani, ahli-ahli akademik dan usahawan yang berjaya dalam bidang seni visual.

Kewujudan selama 4 dekad telah menyaksikan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka menempa sejarah kegemilangannya. Kecemerlangan Fakulti ini mendidik anak bangsa dalam bidang seni lukis dan seni reka telah meletakkan UiTM sebagai institusi yang terulung dan sebagai *trend setter* dalam bidang seni visual

di negara ini. Kemahiran teknikal serta daya intelektual yang dipunyai dan dipamerkan oleh para pelajar telah mendapat kepercayaan dan pengiktirafan oleh masyarakat dalam industri yang diceburi. Di kalangan majikan, FSSR adalah sebagai hab bagi mendapat tenaga kerja yang berwibawa, mahir, kompeten dan berdaya saing.

Pendedahan para pelajar dalam aktiviti atau program kemasyarakatan dan penyertaan bersama dengan agensi kerajaan dan swasta telah membolehkan FSSR mampu menghasilkan modal insan yang intelektual, berkeyakinan, kompetitif, profesional dan bertaraf global. Dengan tujuan ini juga pihak fakulti telah menujuhkan Pusat Daya Cipta (PDC) sebagai hab reka bentuk seni visual bagi agensi-agensi kerajaan dan swasta dengan memberi khidmat runding dan kepakaran dalam berbagai bidang seni lukis dan seni reka. Ia juga memberi pendedahan kepada tenaga akademik bersama pelajar untuk

Profesor dan pemuzik dari Jerman, Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain lagi.

Penambahbaikan kurikulum muzik yang berterusan dilakukan oleh pihak Fakulti terutamanya dalam aspek menawarkan kurikulum dan program-program yang relevan dengan keperluan industri. Fakulti Muzik sedang merancang untuk menawarkan program Sarjana Muda Muzik Bisnes (Kepujian) pada tahun hadapan dan program Sarjana Muda Teknologi Muzik (Kepujian) pada masa yang terdekat.

Pihak Fakulti sentiasa mengutamakan para graduan yang dihasilkan mempunyai integriti yang tinggi serta kefahaman tentang budaya nasional, dan dengan ini akan memartabatkan arena muzik di Malaysia. Perkara ini telah diterapkan dalam kandungan pembelajaran muzik di fakulti ini.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian kebanyakan tenaga pengajar bergiat aktif di dalam arena persembahan muzik tanah air dan sebagai pakar runding dalam bidang berkaitan.

Tenaga pensyarah dan para graduan fakulti ini sering mengharumkan nama UiTM dengan kekerapan mereka memberi khidmat kepakaran kepada kementerian-kementerian, badan-badan kerajaan, agensi-agensi dan organisasi luar. Sebagai contoh, mereka sering menghasilkan karya-karya lagu dan memenangi pertandingan mencipta lagu, membuat persembahan orkestra, menjadi jurulatih dan pakar rujuk pertandingan orkestra sekolah-sekolah dan IPTA serta membuat pembentangan hasil penyelidikan di seminar/konferensi dalam dan luar negara. Kesemua penglibatan tersebut membuktikan bahawa nilai kepakaran yang ada pada UiTM sering dicari dan dirujuk oleh organisasi kerajaan dan badan-badan berkanun. Syabas, saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akademi Pengajian Bahasa (APB) merupakan sebuah akademi yang penting kepada UiTM kerana ia memainkan peranan sebagai penyokong kepada kemahiran berkomunikasi semua pelajar di setiap fakulti. Bidang ilmu yang dipunyai oleh setiap pelajar tidak akan memberi sebarang makna sekiranya ia tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Bahasa adalah wahana bagi menyampaikan ilmu dan kemahiran yang dimiliki pelajar. Itulah peranan APB yang hidup bersama-sama UiTM atau ITM sejak ia ditubuhkan pada tahun 1956.

Sudah banyak kejayaan yang telah ditempa oleh APB. Namun, APB telah mempelbagaikan peranannya, yakni bukan hanya memberikan khidmat pengajaran dan pembelajaran bahasa kepada semua pelajar, tetapi ia juga telah menawarkan program tersendiri iaitu dua kursus di peringkat ijazah mulai tahun 2007. Kursus tersebut ialah Bahasa Melayu Komunikasi Profesional dan

English for Professional Communication. Kini APB dalam proses menawarkan satu lagi kursus iaitu Bahasa Arab Komunikasi Profesional.

Dalam usaha melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik, pelbagai jenis latihan diberikan kepada pelajar seperti kemahiran insaniah (*soft skill*), kemahiran berpidato, kemahiran berdebat, kemahiran menghadiri temu duga dan sebagainya. APB juga telah mengadakan aktiviti-aktiviti di luar kelas untuk pelajar-pelajarnya iaitu melalui kegiatan persatuan seperti Persatuan Bahasa Melayu, Persatuan Bahasa Inggeris dan setiap bahasa ketiga mempunyai persatuan mereka sendiri seperti Persatuan Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan lain-lain.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu di peta dunia, APB telah melebarkan sayapnya dengan mematerikan perjanjian MoU

dengan dua buah universiti iaitu Universiti Walailak, Thailand dan Beijing Foreign Studies University, Beijing. Pada setiap tahun, APB akan menerima pelajar-pelajar dari Universiti Walailak untuk mengikuti Kursus Bahasa Melayu Warga Asing peringkat tinggi. APB menjadi pilihan kerana APB telah membuktikan kursus yang ditawarkan mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar tersebut. Pada bulan Julai akan datang APB akan menerima sekumpulan pelajar dari Universiti Komunikasi China yang akan belajar kursus Bahasa Melayu di UiTM.

UiTM merupakan universiti ulung yang mewajibkan pelajarnya mengambil bahasa ketiga seperti bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Jerman, Jepun dan Korea. Dengan ini graduan UiTM dapat bekerja di syarikat yang memerlukan pengetahuan bahasa ketiga ini. Pelajar UiTM akan lebih berdaya saing jika dibandingkan dengan pelajar institusi pengajian tinggi yang lain. Dengan cara ini, pelajar bumiputera tidak akan terus ketinggalan

dalam persaingan merebut peluang pendidikan, perniagaan dan pekerjaan dalam era globalisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kecemerlangan dan kejayaan yang dikehendaki oleh fakulti-fakulti ini adalah bukti kekuatan dan kemampuan UiTM menghasilkan tenaga kerja/modal insan yang intelektual, kompeten, berkeyakinan, kompetitif, profesional dan bertaraf global dan dengan ini meletakkan UiTM sebagai universiti yang terulung dan bertaraf global. Bukan universiti kelas kedua seperti yang dilihat oleh segelintir masyarakat yang begitu daif tentang peranan, visi, misi dan objektif UiTM semenjak kewujudannya di negara ini. Dengan bangganya saya sebutkan di sini pada hari ini UiTM adalah penyelamat anak bangsa ke arah kecemerlangan yang nyata, dan bertaraf global. UiTM mampu meletak taraf anak bumiputera di persada antarabangsa.

Tahniah, syabas dan syukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana memberi kemampuan kepada UiTM memertabatkan anak bangsa kita dengan pengiktirafan yang cemerlang yang diredhainya.

Sekian, wabillahhitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

**SIDANG 3
14/5/2011
SABTU**

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

14 MEI 2011 (SABTU)

SIDANG KETIGA

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KETIGA (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahm

atulahiwabarakatuh,

**Salam sejahtera, salam satu Malaysia dan salam UiTM Di
Hatiku.**

Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinya dapat kita bersama-sama menghadiri majlis yang gilang-gemilang pada pagi ini sempena Istiadat Konvokesyen Ke-74 bagi meraikan para graduan dari Fakulti Sains Gunaan dan juga Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua 900 graduan yang bakal menerima diploma dan ijazah dalam sidang ke-3 di pagi Sabtu yang mulia ini. Ucapan tahniah juga saya tujukan kepada para ibu bapa dan suami isteri

yang telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada UiTM bagi mendidik anak-anak dan pasangan masing-masing sehingga menempa kejayaan pada hari ini.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Fakulti Sains Gunaan di atas kejayaannya sepanjang tahun 2010. Fakulti ini telah meraih tempat kedua pengurusan akademik terbaik dan memenangi dua kategori di dalam Anugerah Kecemerlangan Naib Canselor iaitu kategori kepimpinan dan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan.

Dengan adanya empat belas orang professor dan sembilan puluh lapan orang doktor falsafah, fakulti ini akan menjadi lebih utuh melalui penghasilan penyelidikan yang berinovasi. kekuatan fakulti sains gunaan dalam hal ini dapat dilihat dengan mempunyai seratus tiga buah projek yang berjumlah melebihi empat juta ringgit. dengan adanya pelbagai geran

penyelidikan, peluang golongan bumiputera yang berpendidikan tertinggi dapat dipertingkatkan.

Para hadirin yang dihormati,

Gabungan tenaga dan idea yang kreatif dan inovatif serta kerjasama padu di antara para pensyarah, kakitangan sokongan dan para pelajar telah membawaikan pelbagai hasil penyelidikan dan telah memenangi sebanyak 72 buah pingat di dalam pertandingan reka cipta dan inovasi di dalam dan luar negara sepanjang tahun 2010. Antaranya, hasil penyelidikan tekstil iaitu songket tenun teknologi *jacquard* telah dapat dikomersilkan melalui Ara Borgstena Sdn. Bhd. pada bulan April tahun lalu. Tahniah diucapkan kepada para penyelidik dan pelajar Fakulti Sains Gunaan.

Universiti Teknologi MARA sangat dekat dengan hati saya, selama sepuluh tahun, saya telah menjadi Pengarah pertama ITM, iaitu pada tahun 1965 hingga 1975. Pada hari ini, saya merasa sungguh bersyukur kerana dapat

membangunkan ITM sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi ikon kepada bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini. Saya juga amat berbangga dengan perkembangan yang dilalui dan kejayaan yang diperolehi oleh universiti yang kita kasihi ini.

Kejayaan yang dikecapi ini tidak lain dan tidak bukan adalah melalui kerjasama jitu seluruh warga UiTM dengan pimpinan Naib Canselor-Naib Canselornya selama lebih dari lima puluh lima tahun. Sejak dari penubuhan ITM, ia telah berjaya menawarkan sistem pendidikan yang amat bersesuaian dengan kehendak pasaran kerjaya semasa demi menjamin masyarakat bumiputera supaya dapat berdepan dan menangani semua cabaran yang mendatang. Maka dengan itu, Fakulti Sains Gunaan juga bergerak seiring dengan perkembangan UiTM dengan kewujudan program Diploma Pengurusan Ladang pada tahun 1965. Kini, Fakulti Sains Gunaan bukan sahaja maju di kampus Shah Alam, malah

berkembang pesat di kampus-kampus cawangan dengan menawarkan dua program siswazah, lima belas program ijazah, tujuh program diploma dan satu program pra-diploma.

Alhamdulillah, ini telah meningkatkan bilangan graduan sains dan profesional dari golongan bumiputera yang memegang jawatan-jawatan tertinggi di dalam industri, kerajaan dan dunia akademik. malah ramai juga yang menjadi usahawan teknologi yang berjaya.

Hadirlin yang dihormati sekalian,

Bermula pada 1 Julai 2010 pula, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah diwujudkan untuk mengembangkan program perladangan. Langkah ini akan memartabatkan dan meningkatkan keupayaan UiTM sebagai sebuah institusi penjanaan ilmu di Malaysia. Sepanjang bergelar program perladangan sehingga lah tertubuhnya Fakulti Perladangan

dan Agroteknologi pelbagai perubahan dan pencapaian yang telah dicapai. Kursus-kursus di bawah fakulti bukan sahaja terdapat di kampus induk Shah Alam tetapi turut ditawarkan di kampus-kampus cawangan seperti Perlis, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Tambahan kepada itu ianya juga turut ditawarkan di Kolej RISDA, Melaka. Yang terbaru, program fakulti ini bakal ditawarkan di kampus cawangan UiTM yang terbaru iaitu di Jasin, Melaka dan juga Tapah, Perak yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2014.

Sepanjang empat puluh lima tahun, lebih tujuh ribu graduan telah berjaya dilahirkan dan diterima berkhidmat di pelbagai sektor kerajaan dan swasta dan ada juga yang berjaya sebagai usahawan. Bersandarkan kepada rekod ini, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi pasti mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja terlatih yang berupaya

menyumbang dalam meningkatkan lagi prestij pertanian dan perladangan negara.

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi turut menawarkan pelbagai kursus di peringkat diploma sehinggalah ke peringkat ijazah kedoktoran. Selain itu, beberapa program baru bakal diperkenalkan di dalam waktu terdekat antaranya ialah program *food supply chain*, perniagaan tani, akuakultur, agronomi, bioteknologi tumbuhan, sains tanah, mekanisasi ladang, usahawan tani, sains ternakan dan perlindungan tanaman. Kesemua program ini akan ditawarkan sama ada di peringkat diploma, ijazah mahupun pasca siswazah.

Para graduan yang diraikan,

Dalam era globalisasi yang serba mencabar ini, kejayaan saudara-saudari memperolehi ijazah pada hari ini adalah secara rasmi langkah pertama ke alam pekerjaan. Oleh itu,

saudara-saudari semua perlu melengkapkan diri untuk berada di dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan tanggungjawab ini. Walau apa pun cabaran yang mendarat , sekiranya anda tidak mencapai apa yang diharapkan, jangan sekali-kali hilang semangat untuk berjaya, **be determined.** Sentiasa pandang ke hadapan dengan memfokuskan kepada cita-cita dan impian anda. tepuk dada, tanya selera.

Aim high. Selalulah mempunyai impian yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Percayalah dan yakin akan kebolehan sendiri. Anda mampu membawa perubahan, perubahan yang kecil tetapi signifikan akan membawa kesan yang berpanjangan. Tambahan pula, dengan jumlah graduan yang ramai, pasti ia akan memberi impak yang tinggi.

Segulung ijazah di tangan hanya merupakan sebahagian sahaja daripada keperluan untuk mencapai kejayaan yang

lebih besar di masa hadapan. Sifat bersaing atau pun “competitiveness” dunia pekerjaan kini bermakna mendapat tempat di syarikat multi-nasional amatlah sukar. Oleh itu, kita mesti melengkapkan diri dengan menambah kemahiran untuk bersaing di pasaran pekerjaan. Semasa menghadapi era globalisasi, kita perlu sentiasa bersedia untuk menerima apa-apa perubahan dengan pemikiran yang terbuka. Globalisasi telah membuka luas ruang sempadan kita dan teknologi komunikasi menjadi semakin canggih dan penggunaan komputer atau “IT” telah menjadi satu kemestian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Menjadi harapan saya dan warga universiti agar kita semua boleh memperlengkapkan diri masing-masing dari segi kecemerlangan akademik, bernilai di pasaran kerja tempatan dan antarabangsa, peka kepada aspirasi bangsa, masyarakat dan negara, serba boleh, berdaya maju dan

cekap berkomunikasi. Kajian membuktikan bahawa kriteria yang penting dalam pengambilan siswazah sebagai tenaga kerja adalah amat bergantung kepada pengalaman, etika dan penguasaan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa haruslah dilihat dalam perspektif yang positif. Kemahiran dalam penggunaan bahasa Inggeris terutamanya dalam bidang sains dan teknologi adalah untuk memastikan bahawa bangsa kita, iaitu rakyat Malaysia, tidak ketinggalan dalam persaingan di peringkat global. Untuk menjadi bangsa yang dihormati, kita tidak dapat menyisihkan diri kita daripada bergaul dengan bangsa-bangsa lain, khususnya dengan bangsa yang telah maju dan yang telah membuktikan kejayaan mereka. Sesungguhnya, pergaulan muhibah dengan bangsa-bangsa yang telah maju akan mendatangkan faedah yang berterusan.

Bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Inggeris, semua kuliah diadakan dalam bahasa Inggeris, para pelajar di UiTM diwajibkan menyediakan tugas, pembentangan dan latihan industri dalam bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa Inggeris dalam menghadiri temu duga juga ditekankan di dalam program *finishing school*. Program ini mengetengahkan kepentingan kemahiran insaniah untuk memastikan saudara-saudari berjaya di dalam alam pekerjaan.

Saudara-saudari adalah penggerak utama ekonomi negara. Sebagai ‘*technopreneur of the future*’ cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dalam masa kurang dari sepuluh tahun lagi adalah di atas bahu saudara-saudari semua. Oleh itu, perubahan di dalam cara pemikiran serta memilih pendekatan baru dan inovatif perlu diambil. Barisan graduan di hadapan saya ini merupakan sumbangan modal insan yang berdaya saing,

global dan beretika yang sangat diperlukan demi merealisasikan rancangan Malaysia ke sepuluh.

Tetapi, berwaspadalah, dalam mengejar kemajuan hidup, janganlah kita lupa akan agama dan budaya kita, kita haruslah mempunyai budi pekerti yang baik dan berintegriti tinggi. Apakah erti kemewahan sekiranya tiada ketenangan dan kebahagiaan?

Sifat amanah itu ada pada setiap orang yang berjaya. Laksanakanlah pekerjaan dengan penuh integriti. Sedarlah bahawa sebagai seorang bumiputera, saudara-saudarilah yang akan mencorakwarnakan masa depan anak-anak bangsa kita. Kita harus juga berperanan dalam menjayakan program mengubah destini anak bangsa iaitu untuk menaikkan taraf ekonomi masyarakat bumiputera melalui peningkatan ilmu pengetahuan.

Berfikirlah secara kritis dan analis, dan apabila mengambil tindakan, fikirkanlah kesan yang akan ditinggalkan untuk generasi akan datang. Ingatlah bahawa saudara-saudari adalah barisan graduan yang berperanan dalam membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan juga negara kita yang kita cintai ini.

Kepada ibu bapa dan penjaga, harapan kita adalah sama, semoga anak-anak bangsa kita menjadi ahli teknokrat yang terhebat di mata dunia tanpa menggadai maruah bangsa dan agama. Teruskan memberi anak-anak kita ini sokongan dan dorongan serta doakan kejayaan mereka.

Saudara-saudari para graduan sekalian,

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para graduan di atas kejayaan anda semua. Saya turut bangga dengan kejayaan para graduan sekalian. Saya berharap bahawa

saudara-saudari akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang akan diceburi. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Ahli-Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti dan semua warga UiTM di atas segala usaha dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Para graduan yang diraikan,

Di Dewan Agung Tuanku Canselor yang gemilang ini, saudara-saudari pasti mempunyai perasaan gembira yang tidak boleh dibayangkan dengan perkataan. Jadikanlah detik-detik bersejarah yang penuh kegembiraan ini membakar semangat saudara-saudari untuk terus berjaya.

Kejayaan saudara-saudari bukanlah hasil titik peluh saudara-saudari sahaja. Ia adalah juga hasil kerja jaringan individu-individu yang tidak boleh dilupakan. Rakan-rakan yang membantu, para pensyarah yang tidak jemu-jemu

memberi ilmu, ibu bapa yang tidak putus-putus doanya dan juga pihak universiti yang memberikan saudara-saudari platform untuk menimba ilmu.

Oleh itu, saya rasa adalah perlu bagi saudara-saudari semua mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan pelbagai cara: kepada rakan taulan dan pensyarah, ucapan terima kasih sebagai tanda penghargaan pasti memadai bagi mereka.

Kepada ibu bapa, **salam dan cium tangan mereka, dakaplah mereka** bagi menunjukkan bahawa tanpa dorongan kasih sayang dan berkat doa restu mereka, anda mungkin tiada di sini.

Cuba imbau kembali pada hari pertama anda melangkahkan kaki ke UITM ini, mereka yang membawa anda ke sini. Sekarang, tiba masanya saudara-saudari pula yang

membawa mereka ke sini, untuk meraikan kejayaan ini bersama-sama.

Mereka amat berbangga atas kejayaan ini, *masa tidak dapat ditambat, terlepas ia tidak dapat dikejar*. Oleh itu, hargailah mereka sementara mereka masih ada. *They are the people who really matters in your life.*

Kepada universiti yang tercinta, marilah kita bersatu hati sebagai ahli alumni universiti, jadilah **golongan berpendidikan tinggi yang cemerlang** agar bangsa kita ini dapat berada pada kedudukan ekonomi yang setaraf dengan bangsa-bangsa yang lain. ***Make UiTM proud.***

Para graduan yang dikasihi, sila bangun dan berikan tepukan yang gemuruh kepada semua pihak yang terbabit.

Sidang 3, Sesi Pagi, 14 Mei 2011

**Sekian. wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh**

Terima Kasih

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

**SIDANG 4
14/5/2011
SABTU**

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

14 MEI 2011 (SABTU)

SIDANG KEEMPAT

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KEEMPAT (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya serta Kudrat dan Iradat-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-74 sidang ke-4 pada petang ini untuk meraikan seramai 1,213 lulusan ijazah sarjana muda dengan kepujian serta lulusan diploma dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan serta dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang menerima ijazah dan diploma masing-masing pada petang ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada ibu bapa yang telah banyak berusaha dan berdoa untuk kejayaan anak-anak mereka. Saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat-saat yang kita tunggu sekian lama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sudah hampir enam dekad, UiTM diwujudkan demi kelangsungan perjuangan untuk mengubah destini anak bangsa khususnya dari kalangan anak-anak Melayu dan semua kaum bumiputera. Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi nasional yang terbesar, UiTM mengorak langkah dengan berani dan tegas untuk menghasilkan golongan profesional dan cendekiawan yang dapat memperkasakan modal insan negara.

Sebagai sebuah universiti yang komprehensif UiTM menawarkan program-program pengajian dalam semua gugusan bidang iaitu Sains dan Teknologi, Pengurusan dan Perniagaan serta Sains Sosial dan Kemanusiaan. Penawaran program akademik yang pelbagai ini menunjukkan iltizam yang bersungguh-sungguh di pihak kita untuk menyahut cabaran-cabaran kemajuan dan pembangunan negara. Seperti yang kita tahu, cabaran masa kini bukan saja tertumpu kepada hal-hal sains, teknologi, perniagaan dan pengurusan sahaja, tetapi juga tuntutan dan keperluan dalam hal-hal yang berkaitan

dengan nilai dan kualiti hidup manusia itu sendiri. Apatah lagi, dalam konteks Malaysia, warganya sudah merasai dan terbiasa dengan gaya hidup yang berkualiti.

Kualiti hidup warganegara dan penduduk Malaysia telah mencapai satu tahap yang membanggakan. Dalam pada itu tuntutan dan harapan kepada peningkatan secara kualitatif dan kuantitatif adalah berterusan. Maka kewujudan program-program pengajian dalam gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan adalah disasarkan untuk memenuhi kehendak tersebut.

Melalui program-program pengajian gugusan ini, tekad UiTM bukan setakat menghasilkan tenaga kerja yang berkelayakan dan berketerampilan, tetapi juga melatih graduan yang kreatif dan inovatif sehingga berkemampuan sebagai usahawan dalam bidang masing. Dengan kata lain UiTM bertekad menghasilkan seniman dan usahawan yang berkemampuan untuk menjana peluang keusahawanan sendiri hingga

menjadikan diri mereka sebagai majikan dan sekali gus melatih pula pekerja-pekerja masing-masing untuk memperkasakan lagi bidang pengajian dan kerjaya mereka. Kini bukan lagi masa untuk graduan kita bercita-cita untuk hanya makan gaji. Mereka harus bersedia untuk menjadi 'tauke' sendiri.

Dengan itu, barulah kita boleh berada di landasan yang tepat dan kukuh untuk mencipta satu bangsa yang bukan sahaja bercita-cita tinggi, berpelajaran tinggi tetapi juga berpendapatan tinggi. Apabila wawasan itu tercapai, maka sempurnalah segala seruan dari pemimpin-pemimpin kita selama ini.

Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik yang telah menawarkan program-program pengajian berkaitan industri kreatif kini sudah hampir 13 tahun sejaknya. Industri kreatif di negara kita berkembang pesat. Fakulti yang dikenali dengan singkatannya TEKA ini telah menawarkan program sama ada di bidang skrin,

teater, animasi ataupun penulisan. Untuk memantapkan lagi daya saing graduannya, TEKA juga menawarkan program pengurusan industri kreatif.

Selain pembelajaran di bilik-bilik kuliah, fakulti ini sangat giat mendedahkan dan melatih pelajar-pelajarnya dalam bidang masing-masing melalui kursus-kursus praktikal, sama ada dalam bidang lakonan, pengarahan, teknikal dan pengurusan. Ia tambah berkesan dengan penglibatan tenaga pengajar yang juga kebolehan masing-masing dalam bidang kepakarannya sama ada sebagai pengarah, pelakon atau tenaga penerbitan filem, teater dan animasi. Saban tahun, TEKA mementaskan sejumlah produksi teater melalui *Diploma Showcase* dan *Honour Stage*. Begitu juga melalui filem-filem yang dihasilkan oleh tenaga pengajarnya menjadi sebahagian daripada bahan pengajaran dan ruang penglibatan pelajar-pelajarnya. Dalam bidang penulisan dan pengurusan seni juga, terdapat tenaga pengajar yang mapan dan berpengalaman luas.

Demi mengukuhkan lagi pengetahuan dan pengalaman graduannya, TEKA juga memberi peluang supaya di kalangan pelajar-pelajarnya mendapat pengalaman belajar di institusi-institusi luar negara melalui program pertukaran pelajar. Pada tahun ini sahaja sejumlah pelajar akan menjalani program ini di Kanada, United Kingdom dan Indonesia.

Sudah tiba masanya masyarakat kita berubah minda dan melakukan anjakan paradigma apabila melihat kegiatan kesenian dan kebudayaan. Sudah sekian lama seni dan budaya ini dipandang remeh sebagai hiburan semata-mata. Akan tetapi dalam perkembangan sekarang, ia merupakan satu industri besar – industri kreatif yang menjanjikan kerjaya yang membanggakan dan pendapatan yang lumayan. Semoga para graduan TEKA bertebar ke seluruh pelosok negara dan dunia sebagai tenaga profesional dan usahawan berjaya sambil menaikkan nama baik UiTM.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Universiti Teknologi MARA juga menawarkan program pengajian dalam bidang perhotelan dan pelancongan. Bidang ini sudah sekian lama menyahut cabaran dan harapan kerajaan dan sektor swasta khususnya dalam memenuhi misi dan objektif Kementerian Pelancongan yang bukan saja bekerja keras menarik pelancong-pelancong dari luar negara, tetapi juga menggalakkan pelancongan domestik melalui pelbagai slogan dan kempenya seperti *Malaysia Truly Asia* dan *Cuti-Cuti Malaysia*.

Kejayaan besar di bidang pelancongan ini tentu sekali meningkatkan permintaan untuk melahirkan tambahan jumlah tenaga mahir dan profesional dalam bidang perhotelan dan pelancongan. Kita semua sedia maklum bahawa UiTM sendiri mempunyai hotel dan *resort* yang terbuka kepada awam. Sambil itu ianya juga menjadi tempat latihan praktikal bagi para pelajar dari Fakulti Hotel dan Pelancongan.

Pada tahun ini, graduan fakulti ini berjumlah 390 orang yang telah mengikuti kursus-kursus di bawah 10 program pengajian. Dalam usaha mengukuhkan lagi pengetahuan dan kebolehan pelajarnya, fakulti ini telah berjaya menghantar 10 orang pelajarnya menjalani latihan praktikal di Hotel Al-Jawaran, Dubai selama 3 bulan. Usaha ini bukan saja memberi nilai tambah kepada para pelajar terlibat tetapi juga menaikkan profil mereka serta UiTM dan Malaysia juga.

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang telah bermula semenjak 14 Januari 2004, telah berjaya mengorak langkah untuk memantapkan lagi pengajian di peringkat diploma, ijazah dan pasca-siswazah. Sebagai sebuah fakulti yang muda, walaupun dari segi keberadaan programnya telah menghampiri usia UiTM sendiri, telah mengalami beberapa lonjakan dari segi pembaharuan pendidikan.

Pendekatan program sarjana dari fakulti ini lebih menumpukan kepada orientasi penyelidikan dan ini memberikan kelainan

kepada graduan lulusan fakulti ini. Program-program akademik telah direka bentuk untuk melatih pengurus dan eksekutif awam di peringkat pertengahan dalam organisasi untuk menjadi ejen perubahan organisasi.

Di peringkat sarjana muda pula, keunggulan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (Kepujian) dapat diteruskan. Program ini telah mendapat pengecualian sepenuhnya daripada *Malaysian Association of Corporate Secretaries (MACS)* untuk membolehkan graduan ijazah ini mendapatkan lesen secara automatik untuk menjadi anggota badan profesional yang diiktiraf di bawah Akta Syarikat, 1967. Manakala lulusan Sarjana Muda Sains Pentadbiran telah diakui sebagai lulusan yang membolehkan mereka memasuki bidang pentadbiran dan pegawai diplomatik dalam sektor awam.

Di bidang akademik, tenaga pengajar di fakulti ini juga memberikan sumbangan signifikan kepada negara dan bidang akademik amnya. Beberapa orang pensyarah fakulti kini

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya ingin menyeru para graduan supaya tidak melupakan jasa universiti ini kepada anda sekalian. Di sini bukanlah untuk anda menimba ilmu demi selembar ijazah atau diploma semata-mata. Di sini adalah tempat anda melepaskan zaman remaja dan mengenali alam dewasa dengan cabaran-cabaran dan permasalahannya. Di sini anda mendapat kawan baru, maklumat baru, kemahiran baru dan pemikiran baru yang akan kekal mempengaruhi sikap dan pemikiran pada masa hadapan.

Oleh itu, sudi-sudilah menabur bakti kepada UiTM. Tanamkanlah semangat kasih sayang dan kesetiaan kepada alma-mater anda. Jadilah alumni yang berjasa. Hidup ini tidak bermakna jika hanya tahu mengambil tetapi tidak tahu membalias budi.

Akhir kata, nyatakan ucapan terima kasih serta sanjungan tertinggi kepada pengorbanan ibu bapa, penjaga dan kaum keluarga anda. Hargailah juga jasa para pensyarah dan staf UiTM yang telah menyumbang kepada penambahan ilmu anda.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya ingin menyeru para graduan supaya tidak melupakan jasa universiti ini kepada anda sekalian. Di sini bukanlah untuk anda menimba ilmu demi selembar ijazah atau diploma semata-mata. Di sini adalah tempat anda melepaskan zaman remaja dan mengenali alam dewasa dengan cabaran-cabaran dan permasalahannya. Di sini anda mendapat kawan baru, maklumat baru, kemahiran baru dan pemikiran baru yang akan kekal mempengaruhi sikap dan pemikiran pada masa hadapan. Oleh itu, sudi-sudilah menabur bakti kepada UiTM. Tanamkanlah semangat kasih sayang dan kesetiaan kepada alma-mater anda. Jadilah alumni yang berjasa. Hidup ini tidak bermakna jika hanya tahu mengambil tetapi tidak tahu membalias budi.

Akhir kata, nyatakan ucapan terima kasih serta sanjungan tertinggi kepada pengorbanan ibu bapa, penjaga dan kaum keluarga anda. Hargailah juga jasa para pensyarah dan staf UiTM yang telah menyumbang kepada penambahan ilmu anda.

*Wabillah hitaufik wal hidayah,
wassalamualaikumwarahmatullahiiwabarakatu.*

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UITM KE 74**

**SIDANG 5
15/5/2011
AHAD**

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

15 MEI 2011 (AHAD)

SIDANG KELIMA

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KELIMA (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bismillahirrahmannirrahim.

**Assalamualaikum warah matullah hi wabarakatuh dan
salam sejahtera.**

Pada pagi yang penuh rahmat ini, kita merasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama meraikan kejayaan para graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada 1,168 orang graduan lulusan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan Diploma Pengajian Perniagaan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Untuk sesi petang ini pula, seramai 1,205 orang lagi graduan lulusan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan akan dianugerahkan ijazah mereka.

Ini menjadikan sejumlah 2,373 orang graduan lulusan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan Diploma Pengajian Perniagaan yang menerima ijazah dan diploma mereka di dalam istiadat konvokesyen pada kali ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

UiTM menyambut ulang tahunnya yang ke-55 pada tahun ini. UiTM telah ditubuhkan pada tahun 1956 sebagai Dewan Latehan RIDA dengan menawarkan program persediaan bagi London Chamber of Commerce, yang merupakan program terawal yang ditawarkan. Program tersebut adalah merupakan program pengurusan perniagaan yang pertama ditawarkan dan menandakan bermulanya kewujudan Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Bermula dari tarikh tersebut, Fakulti Pengurusan Perniagaan telah berkembang sehingga ke hari ini dengan menawarkan program-program akademik di semua peringkat dari

peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana sehingga ke peringkat tertinggi iaitu program doktor falsafah. Ini termasuklah program-program profesional dan program kerjasama dengan pihak luar di dalam dan di luar negara.

Hari ini Fakulti Pengurusan Perniagaan adalah merupakan fakulti terbesar di dalam sistem UiTM dengan mempunyai seramai lebih 20,000 orang pelajar di kampus Shah Alam dan di kampus-kampus cawangan di seluruh negara. Sehingga hari ini Fakulti Pengurusan Perniagaan telah melahirkan lebih 60,000 orang graduan di dalam pelbagai bidang pengurusan perniagaan di berbagai-bagai peringkat.

Alumni Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dan sedang berkhidmat dan memegang jawatan-jawatan penting di dalam sektor-sektor awam dan swasta. Sesungguhnya Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dan sedang

memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan negara dengan menawarkan program-program pengurusan perniagaan terkini sesuai dengan kehendak persekitaran perniagaan masa kini.

Walaupun pihak Fakulti Pengurusan Perniagaan boleh berbangga dengan pencapaian mereka setakat ini, tetapi saya merasakan apa yang lebih penting adalah fakulti ini mestilah memberi penekanan yang sewajarnya di dalam menyediakan graduannya bagi menghadapi dunia pekerjaan sebenar yang sangat mencabar. Ini memerlukan bukan setakat ilmu pengetahuan. Penekanan perlu diberikan juga kepada menggarap kemahiran dan keupayaan graduan untuk bersaing di dalam persekitaran pekerjaan yang sentiasa berubah pada hari ini dan pada masa akan datang.

Fakulti Pengurusan Perniagaan perlu menerima hakikat bahawa kekuatannya terletak di atas skop program-program

akademiknya yang sentiasa dikemas kini sesuai dengan kehendak pasaran di semua peringkat pengajian. Program-program akademik baru yang memenuhi kehendak pasaran terkini perlu digubal dan dibangunkan sejajar dengan kehendak pasaran. Program-program sedia ada perlu disemak semula dari semasa ke semasa dari aspek kandungan kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya sejajar dengan peredaran masa dan kehendak industri. Usaha pembangunan dan pengukuhan program-program akademik yang berterusan akan memastikan semua program akademik fakulti ini sentiasa *relevant* dan berdaya saing di dalam menghasilkan graduan yang dihajatkan dan mencapai tahap kualiti pendidikan yang tinggi.

Kepada para graduan, kejayaan memperolehi segulung diploma atau ijazah menandakan kemuncak kepada segala usaha saudara-saudari mengharungi cabaran kerjaya

akademik sepanjang tempoh pengajian di UiTM. Walaupun begitu saya ingin menyarankan bahawa ianya bukanlah merupakan berakhirnya perjalanan saudara-saudari untuk menuntut ilmu kerana pendidikan adalah merupakan perjalanan yang berterusan yang tidak ada penghujungnya.

Sebahagian daripada saudara-saudari akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi manakala sebahagian yang lain akan menceburi dunia pekerjaan.

Kejayaan memperolehi segulung diploma atau ijazah menandakan bermulanya proses saudara-saudari mengguna pakai segala ilmu yang telah diperolehi dan menimba pengalaman di dalam dunia di luar sana yang sangat kompetitif. Di sinilah saudara-saudari akan dapat merasakan segala penat lelah saudara-saudari dan segala usaha para pensyarah sepanjang tempoh pengajian saudara-saudari diuji keberkesanannya. Di sinilah saudara-

saudari akan merasakan kemanisan kejayaan dan bersamanya kepahitan kegagalan yang akan mencorak kebolehsaingan saudara-saudari di dalam peralihan menuju ke arah kematangan untuk berdiri di atas kaki sendiri.

Saya harap segala kerja akademik yang telah saudara-saudari lalui sepanjang tempoh pengajian telah memberi persediaan yang secukupnya bagi menghadapi cabaran yang mendatang di dalam apa jua bidang yang saudara-saudari ceburi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Kepada ibu bapa yang hadir pada hari ini, saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan. Sebagai ibu bapa, tuan-tuan dan puan-puan telah melakukan pengorbanan yang besar di dalam memastikan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan mendapat

pendidikan yang diperlukan bagi membolehkan mereka merealisasikan jati diri dan aspirasi keluarga.

Sesungguhnya ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh anak-anak tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tempoh pengajian mereka akan dapat digunakan bagi membela nasib keluarga dan menyumbang kepada kesejahteraan umat sejagat. Saya yakin sepanjang tempoh pengajian mereka, tuan-tuan dan puan-puan juga menempuh pelbagai cabaran dan kebimbangan sama ada mereka akan berjaya di dalam pelajaran atau pun tidak.

Sesungguhnya pada hari ini segala usaha, galakan dan pengorbanan yang tuan-tuan dan puan-puan curahkan kepada mereka telah membawa hasil yang diimpikan. Syabas saya ucapan.

Sidang 5, Sesi Pagi, 15 Mei 2011

Kepada para graduan sekalian, jasa dan pengorbanan ibu bapa saudara saudari janganlah disia-siakan. Segala titik peluh dan keringat yang mereka curahkan tidak mengharapkan balasan wang ringgit, tetapi semata-mata kerana menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya yang bakal digunakan bagi menjamin kesejahteraan hidup anak-anak mereka. Sesungguhnya kejayaan saudara-saudari pada hari ini adalah berkat doa dan pengorbanan ibu bapa yang tidak jemu-jemu mendidik dan mengasuh saudara-saudari sedari kecil lagi. Tanpa pengorbanan mereka tidak mungkin kejayaan yang saudara-saudari kecapi pada hari ini akan menjadi kenyataan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada semua graduan pada hari ini. Semoga kejayaan hari ini menjadi penggalak kepada saudara-saudari untuk terus berjaya pada masa akan datang. Anggaplah segala

cabaran yang mendarat sebagai peluang bagi saudara-saudari memperbaiki diri dan mempertingkatkan keupayaan. Jangan sekali-kali mengambil jalan mudah atau jalan pintas dengan cara yang tidak beretika bagi mengejar cita-cita. Pada masa yang sama sentiasalah bersyukur di atas kejayaan yang telah dicapai pada hari ini dan sentiasalah berpijak di bumi nyata di dalam apa jua keadaan dan di mana juga saudara-saudari berada.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

SIDANG 6
15/5/2011
AHAD

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

15 MEI 2011 (AHAD)

SIDANG KEENAM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para graduan sekalian,

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KEENAM (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para graduan sekalian,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.**

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya, kita dapat bersama pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-**74**, Sidang ke-**6** pada petang yang indah ini.

Pada petang ini kita menyaksikan seramai 1205 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), sebuah fakulti tertua dan terbesar di UiTM menerima ijazah masing-masing. Pada sidang ini pelajar-pelajar akan dianugerahkan ijazah dalam bidang Pengangkutan, Pemasaran, Insurans, Pengurusan Sumber Manusia, Perdagangan Antara Bangsa, Perbankan Islam, Ekonomi Perniagaan dan Diploma Pengurusan Bank.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Perkembangan pesat FPP adalah selari dengan perkembangan pesat UiTM yang sentiasa peka dengan pencapaian pendidikan kaum bumiputera yang perlu ada di semua peringkat dan kategori pekerjaan sejajar dengan dasar pendidikan negara.

Bercakap mengenai soal pembangunan, kita tidak boleh lari dari memperkatakan tentang tugas memperbanyakkan modal insan yang boleh membantu meningkatkan produktiviti negara. Penyediaan modal insan adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Modal insan yang berketerampilan dan berwibawa menjadi semakin penting untuk menangkis ketidakpastian turun naik ekonomi dunia, selain membantu ekonomi negara supaya terus kompetitif di peringkat antarabangsa.

Justeru, negara memerlukan pengurus dan pemimpin perniagaan yang berkebolehan dan berwibawa untuk membantu negara mencapai taraf negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Inilah yang UiTM perlu sediakan, dan tugas ini terus dipikul oleh fakulti ini.

Bagi mencapai matlamat tersebut, FPP perlu terus menjalin hubungan baik dengan pihak industri untuk mendedahkan realiti dunia perniagaan dan perdagangan dalam negara dan antarabangsa kepada pelajar-pelajarnya. Langkah FPP melantik *Adjunct Professor* dari pihak industri seperti Tabung Haji, TESCO, OCBC, PNB, MAS dan lain-lain organisasi perniagaan merupakan satu langkah yang bijak. Saya difahamkan, mereka akan dijemput untuk memberi ceramah berkala kepada pelajar-pelajar FPP.

Galakan kepada pelajar-pelajar FPP untuk membuat latihan amali di industri-industri tempatan dan luar negara di samping mengadakan "academic visits" di beberapa

bah negara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam dan Sarajevo turut membuka peluang memasarkan diri selain menimba pengalaman-pengalaman baru dalam memperkemaskan ilmu yang dimiliki. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, saya dimaklumkan pada bulan Jun ini seramai 20 orang pelajar FPP akan dihantar ke Sarajevo untuk program *Homestay* diikuti dengan latihan industri di sana.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Selain daripada menekankan aspek pembangunan pelajar, pihak pengurusan FPP sentiasa memastikan staf akademik FPP menjadikan kecemerlangan akademik sebahagian daripada kerjaya mereka. Mereka telah terlibat dalam pembentangan kertas kerja di persidangan antarabangsa, menyumbang artikel di jurnal, majalah dan di akhbar terkemuka di dalam negara dan di peringkat antarabangsa, mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan akademik terkemuka dunia, menjadi "Visiting Scholars" di

universiti luar negara dan menjalankan kajian-kajian dan kerja-kerja konsultasi dengan pihak luar seperti FAMA, MOA, TESCO, Mydin, J-Corp dan lain-lain. Dari segi kelulusan akademik, FPP kini telah mencapai sasaran untuk mempunyai nisbah pensyarah berkelulusan PhD: Master iaitu nisbah 1:3.

FPP juga telah mengadakan jalinan antarabangsa melalui MoU yang ditandatangani dengan beberapa buah universiti seperti University of Toulouse, University of East London, Edith Cowan University, Ohio University, Cardiff University, Kang Won University, Ohio University dan University Of Wollongong. MOU tersebut adalah untuk menjalin hubungan akademik yang melibatkan pertukaran staf dan pelajar, juga menjalankan usaha-usaha penyelidikan bersama .

Untuk meletakkan FPP di persada dunia, Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) pada bulan

September ini akan menawarkan program "Off-Shore MBA" dalam bidang Islamic Finance and Enterprise dengan University Of East London, UK dan di Dubai. Ini akan diikuti dengan penawaran program yang sama di Universiti Sistan dan Baluchistan, Iran. Perkembangan terbaru di dalam negara ialah penawaran program "PhD mix mode" dan Masters of Business Economics pada sesi September 2011 nanti.

Para graduan sekalian,

Hari ini adalah hari yang bersejarah kepada para graduan, ibu bapa dan keluarga kerana setelah beberapa tahun berusaha keras akhirnya segulung ijazah yang diimpi-impikan kini dalam genggaman. Hargailah jasa dan pengorbanan kedua ibu bapa dan keluarga yang telah membesarakan kita dan memberikan sokongan yang tidak henti-henti juga para pensyarah yang ikhlas memberikan ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing juga kawan-kawan

seperjuangan. Ingatilah mereka, kenangilah jasa-jasa mereka, tanpa mereka siapalah kita.

Selepas ini sebahagian besar saudara-saudari sekalian akan menempuh alam pekerjaan yang penuh dengan cabaran. Walau apa pun bidang pekerjaan yang saudara-saudari ceburi, lakukanlah dengan yang terbaik, tekun, jujur dan amanah. Sebahagian yang lain akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di mana pun saudara-saudari jadilah manusia yang berjaya yang sentiasa mementingkan kecemerlangan.

Akhir sekali, saya harap saudara-saudari sekalian sentiasa merasa bangga menjadi salah seorang alumni UiTM dan selalulah menyimpan perasaan **UiTM SENTIASA DI HATIKU.**

Wasalam.

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 74

**SIDANG 7
18/5/2011
RABU**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya, kita dapat bersama pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-74, Sidang ke-7 pada pagi yang indah ini.

Bagi pihak seluruh UiTM, saya ingin mengucapkan setinggi tinggi TAHNIAH kepada semua graduan dari EMPAT fakulti iaitu Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Undang-Undang kerana telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima anugerah masing-masing pada istiadat ini.

Juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan TAHNIAH dan syabas kepada semua tenaga pengajar

dan ibu bapa, kerana kejayaan para graduan hari ini adalah hasil doa restu dan susah payah tuan-tuan dan puan-puan dalam mendidik mereka dan menyediakan segala kemudahan yang perlu bagi membantu pengajian mereka.

Para graduan, ibu bapa dan para hadirin sekalian,

Fakulti Sains Kesihatan telah melahirkan ramai graduan yang profesional dari pelbagai bidang kesihatan. Program yang ditawarkan sehingga kini telah meningkat kepada 20. Ini termasuk 6 diploma, 8 di peringkat sarjana muda, 5 peringkat sarjana dan satu di peringkat doktor falsafah. Untuk konvokesyen kali ini pihak Fakulti Sains Kesihatan telah berjaya menghasilkan seramai **99** graduan yang terdiri dari **55** orang di peringkat diploma, **43** orang di peringkat sarjana muda dan **1 orang** sarjana.

Bagi Fakulti Pengurusan Maklumat, konvokesyen kali ini menyaksikan penganugerahan kepada sejumlah 456 orang

graduan: iaitu seramai 1 orang bagi ijazah doktor falsafah, 67 ijazah sarjana, 210 ijazah sarjana muda, serta 178 diploma.

Dari Fakulti Pendidikan pula, seramai 214 orang bakal guru sekolah menengah dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua atau TESL (Teaching of English as a Second Language), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Diploma Pendidikan menerima ijazah mereka. Saya difahamkan Fakulti Pendidikan melahirkan bilangan graduan yang amat kecil berbanding dengan fakulti-fakulti lain di UiTM kerana kekangan unjuran penempatan guru terlatih di sekolah-sekolah menengah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Fakulti Undang-undang pula pada semester ini sahaja seramai 2745 orang pelajar telah mendaftar dalam pelbagai program. Untuk konvokesyen kali ini Fakulti telah berjaya menghasilkan seramai 404 graduan.

Para graduan, ibu bapa dan para hadirin sekalian,

Untuk menjamin kualiti graduan, fakulti-fakulti ini telah sekian lama mempunyai hubungan yang akrab dengan pihak industri. Pihak pengurusan fakulti masing-masing telah melantik beberapa orang *Adjunct Professor* atau profesor pelawat dari dalam negara dan luar negara bertujuan memberikan *input* kepada pihak fakulti berkenaan mengikut kehendak sebenar badan-badan profesional dan *stakeholders* lain. Contohnya Fakulti Undang-Undang telah melantik Ketua Hakim Negara iaitu Yang Amat Arif Dato Seri Zaki Tun Azmi dan juga Tan Sri Ghani Patail yang merupakan Peguam Negara Malaysia sebagai *Adjunct Professor*.

Pihak fakulti juga sentiasa menggalakkan graduannya terus mendekati masyarakat dengan menganjurkan program bersama masyarakat dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Aktiviti seperti ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar dan memupuk rasa kasih sayang sesama insan. Ini dapat

menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara serta menyemarakkan semangat 1 Malaysia.

UiTM juga telah melancarkan Program Mobiliti pelajar di mana objektif program tersebut adalah untuk menambah nilai serta kualiti pengetahuan serta kemahiran para graduan. Di samping itu secara tidak langsung dapat meletakkan nama fakulti di luar negara seperti di Finland, Hong Kong dan India serta beberapa negara jiran yang lain.

Di samping itu para pensyarah disarankan untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan menjalani penempatan di pelbagai industri. Para pensyarah juga digalakkan untuk membuat aktiviti penyelidikan dan jaringan industri. Ini adalah bertujuan menambah kepakaran masing-masing sesuai dengan aspirasi di mana pensyarah mesti berupaya melengkapkan pelajar dengan ilmu yang relevan bukan saja pada masa ini tetapi ilmu yang boleh digunakan pada masa hadapan.

Universiti dan fakulti-fakulti ini sentiasa menggunakan pendekatan semasa dan juga teknologi terkini di dalam pendidikannya. Sebagai contoh, cara pembelajaran adalah berfokuskan pelajar (OBE), di samping menyediakan peralatan-peralatan tercanggih dalam makmal yang dipantau oleh warga kerja yang berkemahiran. Justeru itu, pendekatan universiti ini sentiasa sejajar dengan dasar pendidikan negara dan kemahuan kerajaan.

Usaha untuk melahirkan graduan yang cemerlang ini bukanlah satu usaha yang mudah, malah memerlukan perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang mantap. Kesemua langkah yang dilaksanakan oleh fakulti adalah untuk melengkapkan para graduan supaya diterima baik dalam sektor perkhidmatan sama ada kerajaan mahupun swasta.

Kesemua usaha yang telah dijalankan ini juga secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat yang berilmu

pengetahuan dalam pelbagai disiplin bagi bersama-sama menjana pembangunan modal insan untuk bangsa dan negara.

Para graduan, ibu bapa dan para hadirin sekalian,

Pada hari ini tercapai sudah segala apa yang dicita-citakan oleh para graduan selepas bertungkus-lumus belajar tanpa mengenal jemu dan berkat kesabaran daripada anda semua.

Kejayaan hari ini juga tidak akan dicapai tanpa pengorbanan para ibu bapa, para pensyarah yang bukan sahaja mengharapkan anda berjaya dengan segulung ijazah, tetapi berjaya dalam mengharungi hidup ini seterusnya. Berkat usaha jaya MARA dengan menubuhkan kolej untuk anak-anak bumiputera ini bukanlah satu usaha yang sia-sia.

Sejajar dengan visi dan misi UiTM, anda haruslah menjadi seorang graduan yang mampu berdaya saing, sanggup menghadapi cabaran dan berkebolehan memberi sumbangan

untuk membangunkan masyarakat dan negara. Anda mestilah membuktikan kepada semua, bahawa graduan-graduan UiTM ini mempunyai kualiti yang tiada tolok bandingnya. Kita tidak kalah jika dibandingkan dengan graduan dari universiti lain di negara ini dan dengan universiti lain di luar negara.

Haruslah diingatkan bahawa objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat. Oleh sebab itu, kejayaan anda menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi dan berbudi pekerti akan membuktikan kejayaan perjuangan UiTM.

Para graduan, ibu bapa dan para hadirin sekalian,

Para graduan UiTM juga perlu proaktif, lebih berusaha dan bersedia mengubah sikap dan minda untuk menjalankan perniagaan sendiri tanpa terlalu berharap bekerja dengan kerajaan. Secara tidak langsung, para graduan UiTM akan

menambahkan bilangan teknokrat bumiputera yang berkeupayaan dan berkebolehan tinggi.

UiTM juga telah mengambil langkah proaktif dengan mewajibkan pelajar mengambil pengajian bahasa ketiga sebagai persediaan dan menambah nilai kebolehpasaran para graduan untuk menghadapi cabaran sebenar di dunia luar kampus yang penuh dengan persaingan. Kebolehpasaran para graduan akan menyokong iltizam pihak kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Di samping itu para graduan juga harus peka dengan cabaran mendatang melalui pembukaan pasaran perkhidmatan sejagat yang akan membawa kepada persaingan perkhidmatan. Oleh itu para graduan perlulah terus berusaha untuk melengkapkan diri dengan kelulusan yang lebih tinggi untuk menambah nilai kebolehpasaran para graduan.

Para graduan, ibu bapa dan para hadirin sekalian,

Dalam menghadapi apa pun cabaran, para graduan selaku kumpulan intelektual juga wajar ke hadapan dalam memperjuangkan anak bangsa terutamanya anak bumiputera. Kita perlu bersatu menjayakan fungsi dan misi penubuhan UiTM. Buangkan segala sifat mementingkan diri, hasad dengki, berprasangka buruk dan prejudis yang menjadi batu penghalang kepada kemajuan bangsa bumiputera.

Melalui konsep 1 Malaysia para graduan perlu menghormati kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan yang bermatlamatkan pencapaian status negara maju. Program “Mengubah Destinasi Anak Bangsa” pula memberi peluang kepada pelajar yang berasal dari keluarga miskin di luar bandar yang mempunyai kelayakan akademik yang minima untuk menyambung pengajian di peringkat universiti. Pelajar ini diberi bantuan sepenuhnya sehingga mereka mendapat pendidikan sempurna yang kemudiannya boleh mengubah keadaan

kemiskinan keluarga mereka dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Untuk membiayai program ini, UiTM memerlukan dana yang bukan sedikit nilainya. Di sini diharap para graduan sekalian dapat memainkan peranan untuk menyumbang kepada tabung 'Mengubah Destinasi Anak Bangsa'.

Para graduan juga sentiasa perlu ingat, supaya berhati-hati dalam memperjuangkan isu-isu semasa, supaya tidak diperlekehkan oleh orang-orang lain dan mengelakkan dari memperbesar-besarkan masalah yang remeh-temeh. Anda harus fokus dan prihatin dalam memperjuangkan perpaduan antara orang Melayu tanpa melibatkan mana-mana parti politik.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai ini. Usaha dan komitmen serta pengorbanan ibu bapa, penjaga dan semua

pihak yang bukan sedikit telah membolehkan UiTM mencapai tahap kecemerlangannya pada hari ini.

Sentiasa tekadkan azam untuk menjadi individu yang terbaik. Aplikasikanlah segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang untuk membantu mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Selamat menempuh alam pekerjaan dalam bidang yang diceburi. Perubahan perspektif minda dan anjakan paradigma yang lebih positif diharapkan dapat meningkatkan keyakinan diri dan bersedia menghadapi alam kerjaya bagi memacu transformasi pembangunan negara. Semoga sumbangan kita ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala.

Seribu bunga indah berkembang

Harum semerbak memaut rasa

Ilmu pengetahuan luas terbentang

Dari bumi sampai ke angkasa

Haluan sarat banyak muatan

Nampak cahaya batu karang

Tuan ibarat permata intan

Di mana tercampak di situ terang

Syabas kepada para graduan di atas pencapaian yang memberangsangkan ini.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum

Warahmatullahhi Wabarakatuh.

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UITM KE 74**

**SIDANG 8
18/5/2011
RABU**

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

18 MEI 2011 (SELASA)

SIDANG KELAPAN

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KELAPAN (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataa'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen ke-74 sidang ke-8 pada petang ini. Sidang ini adalah bertujuan untuk meraikan seramai 1,225 lulusan diploma dan Ijazah sarjana muda dengan kepujian daripada tiga fakulti, iaitu, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta Fakulti Sain Sukan dan Rekreasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang menerima ijazah dan diploma pada petang ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada semua ibu bapa yang telah berusaha dan berdoa untuk kejayaan yang telah lama dinantikan.

Sebagai tanda penghargaan kepada semua ibu bapa dan staf yang berada di dalam dewan ini, **dengan sukacitanya saya menjemput semua graduan untuk berdiri dan memberi tepukan.** Terima kasih.

Hadirin sekalian,

Pada 14 Oktober 1967, batu asas bagi pembinaan kampus ITM telah diletakkan oleh Y.A.B. Tun Abdul Razak. Pada tarikh itu, Maktab MARA secara rasminya menjadi Institut Teknologi MARA. Seterusnya, pada tahun 1999, ITM telah dinaiktarafkan menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Aspirasi UiTM adalah untuk menjadi pusat pengajian tinggi bertaraf dunia dengan berperanan untuk memartabatkan bangsa Melayu dengan memberi pendidikan kepada anak-anak Melayu dan seterusnya melahirkan usahawan di kalangan orang Melayu dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka di bandar dan

luar bandar. Di atas kesedaran terhadap peranan ini pelbagai usaha telah dijalankan oleh kepimpinan universiti ini. Di antara usaha yang paling terkini ialah perlaksanaan program “Mengubah Destinasi Anak Bangsa” yang memberi peluang kepada anak-anak Melayu dari keluarga miskin untuk melanjutkan pelajaran di UiTM. Program ini adalah manifestasi semangat “UiTM Sentiasa di Hatiku” yang tersemat di kalangan pucuk pimpinan UiTM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Di zaman ini, gabungan *sains dan teknologi* dengan *sains pengurusan* mengoptimumkan pengeluaran ekonomi dari aspek-aspek cekap, cepat dan berkesan. Hasilnya ialah kita berjaya mencipta produk (barang atau perkhidmatan) yang berkualiti yang dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan sejagat. Faktor-faktor pengeluaran, yang salah satunya adalah sumber manusia, haruslah mempunyai kualiti yang bertepatan. Dalam hal ini, kemahiran, budaya kerja serta keterampilan sumber

manusia haruslah menjurus kepada kemampuan untuk “bersaing” di peringkat *global*. Hal ini adalah sangat relevan dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan ekonomi Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi (*high-income economy*) menjelang tahun 2020.

Para hadirin sekalian,

Penanganan isu keperluan kepada sumber manusia yang bertepatan dengan ciri-ciri proses pengeluaran yang cekap, cepat dan tepat memerlukan penyerahan peranan universiti-universiti di dalam proses penyediaan sumber manusia. Sukacita dimaklumkan bahawa sealiran dengan keperluan ini Fakulti Sains Komputer dan Matematik kini menawarkan sejumlah 26 program pengajian yang merangkumi pembelajaran di dalam sains aktuari, matematik, statistik, sains kuantitatif, teknologi maklumat, pengkomputeran serta perangkaian. Program-program ini meliputi peringkat-peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan PhD.

Ini memberikan gambaran tentang kepelbagaian ilmu dalam bidang sains komputer dan matematik yang dapat dipelajari di UiTM. Kepelbagaian ilmu inilah yang akan membantu dalam pembangunan sumber manusia yang mahir untuk membantu ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Umumnya kita mengetahui bahawa ekonomi moden digerakkan oleh sistem maklumat yang mempunyai keefisienan yang tinggi. Justeru, untuk membantu dalam menjadikan negara sentiasa berada di kalangan yang terkehadapan dalam pengeluaran ekonomi, universiti haruslah proaktif terhadap usaha menyediakan sumber manusia yang berbekalkan kemahiran teknologi dan kaedah yang terkehadapan. Keperluan ini telah pun termaktub di dalam Rancangan Malaysia ke-9, IMP3 (*Industrial Master Plan 3*) dan Rancangan Malaysia ke-10, di mana kemahiran ICT diberi penekanan.

Sealiran dengan keperluan menggerakkan negara menuju matlamat ekonomi berpendapatan tinggi, pensyarah dan pelajar UiTM mesti mempunyai semangat yang tinggi untuk mendokong hasrat ini. Kurikulum program pengajian mesti disemak secara berkala dan dijuruskan kepada pendekatan yang lebih *futuristic*.

Mengikut Kerney's Global Location Index, Malaysia sedang menuju ke arah menjadi satu *hub* panas (*hotspot hub*) di Asia Tenggara dalam "outsourcing" dan "*technology innovation*" dalam IT. Dengan yang demikian, permintaan yang tinggi dalam bidang bersangkutan dengan ICT akan bertambah. Justeru, para pembangun kurikulum di universiti perlu membuat perancangan yang bijak, selaras dengan permintaan supaya pembangunan *modal insan* menjadi searus dengan pembangunan ekonomi *berpendapatan tinggi*.

Hadirin yang dihormati sekalian,

UiTM melalui Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) adalah institusi pertama yang menubuhkan kursus Komunikasi Massa di Malaysia. Program-program akademik yang ditawarkan di fakulti ini selari dan seiring dengan perkembangan industri komunikasi dan media yang pelbagai. Kurikulum program-program di FKPM merangkumi bidang kewartawanan, perhubungan awam, penyiaran, pengiklanan, penerbitan, komunikasi antarapersonal, komunikasi instruksional dan latihan serta komunikasi polisi.

Kelapan-lapan program tersebut ditawarkan di peringkat sarjana muda manakala satu program adalah di peringkat diploma. Selain menjalani latihan praktik di beberapa buah agensi media dan komunikasi tempatan di Malaysia, pelajar fakulti ini juga ditawarkan untuk menjalani latihan praktikal di Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Turki,

Doha, Australia dan beberapa buah negara-negara ASEAN.

Hadirin sekalian,

Pada petang ini kita juga menyaksikan penganugerahan diploma dan ijazah kepada 117 orang graduan dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR). Fakulti ini telah membuktikan kemampuan melahirkan jaguh sukan negara yang mengharumkan nama Malaysia di pentas dunia seperti sukan Olimpik dan kejohanan terbuka dunia.

Malahan FSR telah berjaya mencuri tumpuan pilihan atlit negara untuk menyambung pengajian. Terdapat juga pelajar dan pensyarah fakulti ini yang mampu mengimbangi antara komitmen akademik dan komitmen sukan negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini dibuktikan melalui pencapaian dan anugerah yang dimenangi. Beberapa orang pelajar FSR juga telah memenangi pingat di dalam Sukan Komanwel, New Delhi

dan Sukan Asia, Guangzhou. Sesungguhnya kejayaan pelajar FSR mencerminkan keupayaan pelajar Melayu dan bumiputera di peringkat dunia.

Hadirin sekalian,

Acapkali isu peluang mendapat pekerjaan atau “*employability*” graduan menjadi isu utama di media. Pihak majikan lumrah mengatakan bahawa kebanyakan graduan mempunyai masalah dengan “*keterampilan*” dan “*berkomunikasi dalam bahasa Inggeris*” dan bahawa graduan universiti tempatan tidak serasi dengan permintaan industri.

Sebenarnya UiTM sudah menangani isu ini melalui dua pendekatan. Pertamanya, semua program UiTM telah dijalankan dalam bahasa Inggeris. Keduanya, kurikulum di universiti ini dikaji semula setiap 2 atau 3 tahun supaya ia selaras dengan keperluan industri.

Untuk menyiasat tahap “employability” graduannya, UiTM menjalankan kajian di kalangan graduan pada setiap konvokesyen. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa peratusan pelajar UiTM yang mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran adalah tinggi, iaitu 80.6%. Syabas saya ucapkan.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin berpesan kepada semua graduan agar mengenang jasa baik pihak-pihak tertentu yang telah membantu di dalam kejayaan anda pada hari ini. Pertamanya, ialah ibu bapa kita yang telah sabar dan banyak berkorban untuk pendidikan kita di UiTM. Keduanya, ialah pensyarah-pensyarah kita yang tidak jemu untuk memberikan bimbingan kepada sepanjang kita berada di UiTM. Tidak kurang pentingnya ialah semua warga pentadbiran UiTM yang menguruskan masalah kita semasa kita menjadi pelajar.

Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan para lulusan semua. Saya berdoa agar anda terus maju dalam segala lapangan yang anda ceburi. Jadilah warganegara yang berintegriti sepanjang hidup. Sedaya upaya, berusahalah ke arah kejayaan dalam semua bidang pekerjaan. Sentiasalah berusaha untuk memperbaiki diri sendiri demi untuk menjadi warga yang bertanggungjawab, membantu ke arah pembangunan negara, sentiasa insaf bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa kecuali bangsa itu sendiri berusaha untuk berubah.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah

wassalamu alaikum warohmatullahi wabarakatuh.

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

**SIDANG 9
19/5/2011
KHAMIS**

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

19 MEI 2011 (KHAMIS)

SIDANG KESEMBILAN

UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KESEMBILAN (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor; Pendaftar dan Bendahari UiTM; Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-Dekan; Para Pensyarah; Tetamu-tetamu kehormat; Wakil-wakil media; Ibu-bapa yang dihormati, serta para graduan yang dikasihi sekalian.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SATU MALAYSIA.**

UiTM sentiasa di hatiku.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ALLAH kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu di dalam jemaah ini untuk menyaksikan Sidang ke 9, Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke 74, pada pagi ini.

Kepada hadirin, yang datang dari jauh dan dekat, saya ucapkan "Selamat Datang" ke Dewan Agong Tuanku Canselor, atau singkatannya DATC ini, yang baru sahaja disempurnakan perasmianya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Canselor UiTM, pada hari pertama konvokesyen baru-baru ini. Dengan dewan seindah dan sebesar ini, kita harapkan hadirin sekalian dapat duduk dengan lebih selesa, walau pun saya difahamkan, ada

para tetamu yang terpaksa berjalan agak jauh, dan ada yang tersesat di dalam dewan ini.

Oleh itu sekiranya terdapat sebarang kekurangan, kami di pihak UiTM, memohon maaf. Insya-Allah, segala kekurangan itu, pihak UiTM akan lakukan segala penambah-baikan yang difikirkan perlu.

Hadirin sekalian;

Walau pun saya baharu memegang jawatan sebagai Naib Canselor UiTM ini selama setahun empat bulan, tetapi sebenarnya saya sudah lebih 40 tahun bersama dengan universiti ini, bermula sebagai seorang pelajar, kemudian menjadi pensyarah, dan seterusnya sebagai Naib Canselor sekarang ini.

Dalam tempoh itu, saya telah melihat perkembangan universiti ini dengan mata kepala saya sendiri, dan dalam banyak aspek, terlibat secara langsung dengan pembangunan fizikal dan akademik di UiTM ini.

Semasa saya belajar di ITM dahulu, saya pernah bekerja sebagai buruh kontrak untuk membina bangunan-bangunan di sini. Titik peluh saya waktu tu bukan untuk cari duit nak berjoli, tetapi untuk membantu mak saya membesar adik-adik saya di Pulau Pinang.

Apabila menjadi Pensyarah, saya dapat perhatikan bagaimana kakitangan UiTM bertungkus lumus memantapkan pengisian akademik di universiti ini. Saya juga dapat perhatikan bagaimana tekunnya para pensyarah mendidik dan membimbing anak-anak kita.

Setelah menjadi Naib Canselor, saya dapat alami dan fahami bagaimana pihak kerajaan memberi sokongan dalam pelbagai cara bagi memastikan UiTM ini berjaya mencapai matlamat penubuhannya. Sejarah penubuhan UiTM ini, bermula pada tahun 1956 dahulu, merupakan satu perjuangan bangsa, yang mahu melihat anak bangsanya maju dan berjaya, setanding dengan kaum-kaum lain yang lebih maju di dalam negara kita.

Pihak kerajaan sentiasa pastikan perjuangan ini berterusan. Maka kita harus juga, dengan secara ikhlas, menyokong perjuangan ini dalam apa cara sekali pun. Yang pastinya juga, kita mestilah bersatu demi memastikan segala warisan kita akan kekal sehingga akhir zaman,
Insya-Allah.

Semua ini adalah pengorbanan yang amat tinggi martabatnya. Antara hasil pengorbanan itu, ialah, seperti yang kita dapat lihat sebentar tadi, begitu ramai pelajar dari Fakulti Perakaunan dan Fakulti Teknologi Pejabat telah dianugerahkan dengan diploma dan ijazah, atas kejayaan mereka lulus pengajian dalam bidang masing-masing.

Tahniah kepada para graduan.

Saya dan seluruh warga kerja universiti ini sentiasa mendoakan agar saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, untuk dunia dan akhirat.

Saya berharap, setelah bergelar graduan, saudara-saudari tidak akan lupa kepada jasa pihak-pihak yang telah membawa saudara-saudari ke sini.

Kita hendaklah bersyukur kepada Allah. Kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara, dan kepada seluruh rakyat Malaysia. Caranya ialah, dengan kita menjadi insan yang berguna, berjasa kepada agama, bangsa, dan negara.

Saya juga berharap, apabila saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, ingatlah universiti tempat saudara-saudari belajar ini. Sumbangkan apa saja yang boleh kepada UiTM, agar universiti ini dapat terus membela nasib dan mengubah destini anak bangsa kita dengan jayanya.

Saya percaya sebagai alumani UiTM, semangat “UiTM Sentiasa di Hatiku” akan sentiasa menebal dan bersemarak di dalam jiwa saudara-saudari.

Di dalam masa yang sama juga, kita janganlah lupa kepada jasa guru-guru dan pensyarah-pensyarah kita. Kita juga mesti ingat pengorbanan ayah dan ibu kita.

Sebagai simbolik kepada ingatan itu, apa kata, saya mohon para graduan untuk berdiri sebentar.....

Pandang ke hadapan, ke atas pentas, dan berikan tepukan gemuruh kepada pensyarah dan kakitangan UiTM....

(SETELAH SELESAI....)

Sekarang saya minta para graduan, pusing ke arah belakang, dan memberi tunduk hormat, dan berikan lambai serta tepukan yang paling gemuruh kepada ayah dan ibu serta sanak saudara di atas sana

....

(SETELAH SELESAI....)

Terima kasih... dan sila duduk semula.

Terima kasih...

Naik remang bulu romba saya mendengar tepukan saudara-saudari tadi...

Saudara saudari, para hadirin sekalian;

Dalam riuh tempik sorak para graduan tadi, perasaan saya sebenarnya, gembira pun ada, dan terasa sayu pun ada....

Saya gembira melihat anak-anak kita melambai kepada ibu bapa mereka yang berada di dalam dewan ini, dan ibu bapa pun, ada yang tersenyum dan ada yang mengalir air mata gembira, melambai balik kepada anak-anak mereka.

Saya dapat bayangkan betapa gembiranya perasaan mereka.

Tetapi, sebahagian daripada hati kecil saya pula amat terharu, kerana ada anak-anak kita yang tidak melambai atau bersorak. Bukan kerana

mereka malas, tetapi sebab mereka tidak tahu kepada siapa mereka nak lambai, kerana ibu dan ayah mereka tiada di sini.

Ibu dan ayah mereka tidak berada di sini mungkin kerana tidak berkesempatan, atau tidak berkemampuan untuk datang.

Mungkin juga atas sebab-sebab kesihatan mereka tidak dapat datang. Mungkin juga mereka seperti ibu saya dahulu, mereka tidak cukup duit nak datang.

Walau apa pun sebabnya, hanya Allah dan mereka yang menanggung sahaja dapat mengetahuinya.

Mungkin, ada juga di antara para graduan yang ibu dan ayahnya sudah tiada lagi di dunia ini.

Jika itulah sebabnya, marilah kita sama-sama bertafakur sejenak, dan hadiahkan Al-Fatihah untuk mereka yang terlebih dahulu telah pergi meninggalkan kita.

Al-Fatihah.

(SETELAH SELESAI)

Amin Ya Robal Alamin....

Terima kasih.

Hadirin sekalian;

Ingatlah, tanpa ayah dan ibu, kita tidak akan sampai di sini. Kita tidak akan berpeluang memijak kaki di atas muka bumi Allah ini.

Jika kita tidak ingat dan tidak fikir susah payah ibu dan ayah kita, kita mungkin mudah tergelincir dan menjadi anak durhaka.

Jika ada kalanya ayah dan ibu menegur kita, anggaplah itu satu permintaan suci dari insan amat sayang pada kita.

Jangan pula oleh kerana satu teguran ayah dan ibu yang menyentuh kepentingan kita, kita sanggup membelakangi mereka, dan durhaka kepada mereka.

Jangan pula, apabila berjumpa seeorang yang bermulut manis, yang baru sekali menjamu kita makan di restoran yang enak-enak, kita sudah lupa kepada tangan ayah dan ibu yang sudah beribu kali menuap kita.

Janganlah menjadi anak yang sompong. Ingatlah untuk berdoa kepada ayah dan ibu dalam setiap doa kita, terutamanya selepas kita bersolat. Sementara ayah dan ibu masih ada, jangan susahkan hati mereka, terutamanya jika kini mereka sudah berada di penghujung usia.

Mereka tidak pernah meminta kita untuk membalaik segala jasa mereka membesarakan kita. Mereka hanya mahukan kita berjaya sebagai insan di dunia dan di akhirat.

Jadilah anak yang berbakti, yang disenangi, yang dibangga oleh ayah dan ibu, sebelum terlambat, sebelum kita menyesal.

Jika kita menangis seribu kali di atas kubur mereka pun, ayah dan ibu, tetap tiada penggantinya.

Ayah dan ibu adalah segala-galanya bagi kita. Begitu juga sebaliknya, bagi ayah dan ibu, kita adalah segala-segalanya bagi mereka, kerana kita adalah satu amanah yang amat suci, yang Allah kurniakan kepada mereka.

Oleh sebab itulah mereka telah sanggup **Berkorban Apa Saja** demi kebahagian kita kita.

(TAYANGAN VIDEO "BERKORBAN APA SAJA)

SELESAI VIDEO...

Sidang 9, Sesi Pagi, Khamis 19 Mei 2011

Akhir qalam, saya doakan perjalanan para hadirin pulang nanti, akan dilindungi Allah dan selamat sampai ke destinasi masing-masing.

Terima kasih.

Sekian.

**WABILLAH HITAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

**SIDANG 10
19/5/2011
KHAMIS**

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

19 MEI 2011 (KHAMIS)

SIDANG KESEPULUH

UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KESEPULUH (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor; Pendaftar dan Bendahari UiTM; Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-Dekan; Para Pensyarah; Tetamu-tetamu kehormat; Wakil-wakil media; Ibu-bapa yang dihormati, serta para graduan yang dikasihi sekalian.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM

SATU MALAYSIA.

UiTM sentiasa di hatiku.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ALLAH kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu di sini untuk menyaksikan Sidang ke 10, Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke 74, pada petang ini.

Kepada hadirin, yang datang dari jauh dan dekat, saya ucapkan "Selamat Datang" ke Dewan Agong Tuanku Canselor, yang baru sahaja disempurnakan perasmianya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Dengan dewan seindah dan sebesar ini, kita harapkan hadirin sekalian dapat duduk dengan lebih selesa, walau

pun saya difahamkan, ada para tetamu yang terpaksa berjalan agak jauh, dan ada yang tersesat di dalam dewan ini.

Oleh itu sekiranya terdapat sebarang kekurangan, kami di pihak UiTM, memohon maaf. Insya-Allah, segala kekurangan itu, pihak UiTM akan lakukan segala penambahan-baikan yang difikirkan perlu.

Hadirlin sekalian;

Sebenarnya saya sudah lebih 40 tahun bersama dengan universiti ini, bermula sebagai seorang pelajar, kemudian menjadi pensyarah, dan seterusnya sebagai Naib Canselor sekarang ini. Kehidupan saya sudah sinonim dengan arus pembangunan universiti ini.

Dalam tempoh itu, saya telah banyak melihat perkembangan universiti ini dan, dalam banyak aspek, terlibat secara

langsung dengan pembangunan fizikal serta akademik di UiTM ini.

Semasa saya belajar di ITM dahulu, saya pernah bekerja sebagai buruh kontrak untuk membina bangunan-bangunan di sini. Titik peluh saya waktu tu bukan untuk cari duit nak bersuka-ria, tetapi untuk membantu emak membesarkan adik-adik saya di Pulau Pinang.

Apabila menjadi Pensyarah, saya dapat perhatikan bagaimana kakitangan UiTM bertungkus lumus memantapkan pengisian akademik di universiti ini. Saya juga dapat perhatikan bagaimana tekunnya para pensyarah mendidik dan membimbing anak-anak kita.

Setelah menjadi Naib Canselor, saya dapat alami dan fahami bagaimana pihak kerajaan memberi sokongan dalam

pelbagai cara bagi memastikan UiTM ini berjaya mencapai matlamat penubuhannya.

Sejarah penubuhan UiTM ini, bermula pada tahun 1956 dahulu, yang ditubuhkan atas dasar perjuangan bangsa, yang mahu melihat anak bangsanya maju dan berjaya, setanding dengan kaum-kaum lain di dalam negara kita.

Pihak kerajaan sentiasa pastikan perjuangan ini berterusan. Maka kita harus dengan secara ikhlas, menyokong perjuangan ini dalam apa cara sekali pun. Yang pastinya, kita mestilah bersatu demi memastikan segala warisan kita akan kekal sehingga akhir zaman, Insya-Allah. Semua ini memerlukan pengorbanan yang amat tinggi martabatnya.

Antara hasil pengorbanan itu adalah seperti yang kita lihat sebentar tadi, begitu ramai pelajar dari Fakulti Perakaunan dan Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur telah

dianugerahkan dengan diploma dan ijazah, atas kejayaan mereka lulus pengajian dalam bidang masing-masing. Tahniah saya ucapkan kepada para graduan.

Saya dan seluruh warga kerja universiti ini sentiasa mendoakan agar saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, untuk dunia dan akhirat.

Harapan saya setelah bergelar graduan, saudara-saudari tidak akan lupa kepada jasa pihak-pihak yang telah membawa saudara-saudari sampai ke tahap ini.

Kita hendaklah bersyukur kepada Allah. Kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara, dan kepada seluruh rakyat Malaysia. Luahkanlah kesyukuran kita dengan menjadi insan yang berguna, berjasa kepada agama, bangsa, dan negara.

Saya juga berharap, apabila saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, ingatlah universiti tempat saudara-saudari mula menerokai kehidupan dan cabaran sebagai seorang mahasiswa. Sumbangkan apa saja yang boleh kepada UiTM, agar universiti ini dapat terus membela nasib dan mengubah destini anak bangsa kita dengan jayanya.

Saya percaya sebagai alumni UiTM, semangat "UiTM Sentiasa di Hatiku" akan terus menebal dan bersemarak di dalam jiwa saudara-saudari.

Dalam masa yang sama, kita janganlah lupa kepada jasa para guru dan pensyarah kita. Kita juga mesti ingat pengorbanan ayah dan ibu kita.

Sebagai simbolik kepada ingatan itu, apa kata saya mohon para graduan untuk berdiri sebentar...

Pandang ke hadapan, ke atas pentas, dan berikan tepukan gemuruh kepada pensyarah dan kakitangan UiTM...

(SETELAH SELESAI....)

Sekarang saya minta para graduan, pusing ke arah belakang, lihatlah dan berikan lambaian serta tepukan yang paling gemuruh kepada ayah dan ibu serta sanak saudara di atas sana ...

(SETELAH SELESAI....)

Terima kasih... dan sila duduk semula.

Terima kasih...

Saudara saudari, hadirin sekalian;

Dalam kegembiraan para graduan sebentar tadi, perasaan saya terusik dan terasa sayu...

Saya gembira melihat anak-anak kita melambai kepada ibu bapa mereka yang berada di dalam dewan ini, ibu bapa pun ada yang tersenyum, ada yang mengalirkan air mata gembira, dan membalaik lambaian kepada anak-anak mereka. Saya dapat bayangkan betapa tersentuhnya perasaan mereka.

Sebahagian daripada hati kecil saya pula amat terharu, mungkin ada di kalangan anak-anak kita yang tidak tahu untuk melambai kepada sesiapa. Bukan kerana mereka malas melambai, tetapi sebab mereka tidak tahu kepada siapa mereka nak lambai, kerana ibu dan ayah mereka tiada di sini.

Ibu dan ayah mereka tidak berada di sini mungkin kerana tidak berkesempatan, atau tidak berkemampuan untuk datang. Mungkin juga mereka seperti ibu saya dahulu, tidak cukup duit nak datang.

Ada juga atas sebab-sebab kesihatan mereka tidak dapat datang.

Malah, ada di antara para graduan yang ibu dan ayahnya sudah tiada lagi di dunia ini.

Jika itulah sebabnya, marilah kita sama-sama bertafakur sejenak, dan hadiahkan Al-Fatihah untuk mereka yang terlebih dahulu telah pergi meninggalkan kita.

Al-Fatihah.

(SETELAH SELESAI)

Amin Ya Robal Alamin....

Terima kasih.

Hadirin sekalian;

Ingatlah, tanpa ayah dan ibu, kita tidak akan sampai di sini. Kita tidak akan berpeluang memijak kaki di atas muka bumi Allah ini.

Jika kita tidak mengingati akan susah payah ibu dan ayah, kita mungkin mudah tergelincir dan menjadi anak durhaka.

Jika ada kalanya ayah dan ibu menegur kita, anggaplah itu satu permintaan suci dari insan amat sayang pada kita.

Jangan pula oleh kerana satu teguran ayah dan ibu yang menyentuh kepentingan kita, kita sanggup membelakangi mereka, dan durhaka kepada mereka.

Jangan sesekali, apabila berjumpa seorang yang bermulut manis, yang menjamu kita makan di restoran yang enak-

enak, kita sudah lupa kepada tangan ayah dan ibu yang sudah beribu kali menyuap kita.

Janganlah menjadi anak yang sompong. Sentiasalah berdoa kepada ayah dan ibu setiap kali selepas kita bersolat.

Sementara ayah dan ibu masih ada, jangan susahkan hati mereka, terutamanya jika kini mereka sudah berada di penghujung usia.

Mereka tidak pernah meminta kita untuk membalaik segala jasa mereka membesarakan kita. Mereka hanya mahukan kita berjaya sebagai insan di dunia dan di akhirat.

Jadilah anak yang berbakti, yang disenangi, yang dibanggai oleh ayah dan ibu, sebelum terlambat, sebelum kita menyesal.

Jika kita menangis seribu kali di atas kubur mereka pun, ayah dan ibu, tetap tiada penggantinya.

Ayah dan ibu adalah segala-galanya bagi kita. Begitu juga sebaliknya, bagi ayah dan ibu, kita adalah segala-segalanya bagi mereka, kerana kita adalah satu amanah yang amat suci, yang Allah kurniakan kepada mereka.

Oleh sebab itulah mereka sanggup **Berkorban Apa Saja** demi kebahagian kita.

(TAYANGAN VIDEO "BERKORBAN APA SAJA)

SELESAI VIDEO...

Akhir kata, saya doakan para hadirin selamat pulang ke destinasi masing-masing dan mogak sentiasa dilindungi Allah.

Terima kasih.

WABILLAH

HITAUIK

WALHIDAYAH,

WASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH.

ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE 74

**SIDANG 1¹
20/5/2011
JUMAAT**

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

20 MEI 2011 (JUMAAT)

SIDANG KESEBELAS

UCAPAN

**YBHG DATO' PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 74

SIDANG KESEBELAS (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor; Pendaftar dan Bendahari UiTM; Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-Dekan; Para Pensyarah; Tetamu-tetamu kehormat; Wakil-wakil media; Ibu-bapa yang dihormati, serta para graduan yang dikasihi sekalian.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM

SATU MALAYSIA.

UiTM sentiasa di hatiku.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ALLAH kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu di sini untuk menyaksikan Sidang ke 11, Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke 74, pada pagi ini.

Kepada hadirin, yang datang dari jauh dan dekat, saya ucapkan "Selamat Datang" ke Dewan Agong Tuanku Canselor, yang baru sahaja disempurnakan perasmianya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Dengan dewan seindah dan sebesar ini, kita harapkan hadirin sekalian dapat duduk dengan lebih selesa, walau

pun saya difahamkan, ada para tetamu yang terpaksa berjalan agak jauh, dan ada yang tersesat di dalam dewan ini.

Oleh itu sekiranya terdapat sebarang kekurangan, kami di pihak UiTM, memohon maaf. Insya-Allah, segala kekurangan itu, pihak UiTM akan lakukan segala penambahan-baikan yang difikirkan perlu.

Hadirin sekalian;

Sebenarnya saya sudah lebih 40 tahun bersama dengan universiti ini, bermula sebagai seorang pelajar, kemudian menjadi pensyarah, dan seterusnya sebagai Naib Canselor sekarang ini. Kehidupan saya sudah sinonim dengan arus pembangunan universiti ini.

Dalam tempoh itu, saya telah banyak melihat perkembangan universiti ini dan, dalam banyak aspek, terlibat secara

langsung dengan pembangunan fizikal serta akademik di UiTM ini.

Semasa saya belajar di ITM dahulu, saya pernah bekerja sebagai buruh kontrak untuk membina bangunan-bangunan di sini. Titik peluh saya waktu tu bukan untuk cari duit nak bersuka-ria, tetapi untuk membantu emak membesarkan adik-adik saya di Pulau Pinang.

Apabila menjadi Pensyarah, saya dapat perhatikan bagaimana kakitangan UiTM bertungkus lumus memantapkan pengisian akademik di universiti ini. Saya juga dapat perhatikan bagaimana tekunnya para pensyarah mendidik dan membimbing anak-anak kita.

Setelah menjadi Naib Canselor, saya dapat alami dan fahami bagaimana pihak kerajaan memberi sokongan dalam

pelbagai cara bagi memastikan UiTM ini berjaya mencapai matlamat penubuhannya.

Sejarah penubuhan UiTM ini, bermula pada tahun 1956 dahulu, yang ditubuhkan atas dasar perjuangan bangsa, yang mahu melihat anak bangsanya maju dan berjaya, setanding dengan kaum-kaum lain di dalam negara kita.

Pihak kerajaan sentiasa pastikan perjuangan ini berterusan. Maka kita harus dengan secara ikhlas, menyokong perjuangan ini dalam apa cara sekali pun. Yang pastinya, kita mestilah bersatu demi memastikan segala warisan kita akan kekal sehingga akhir zaman, Insya-Allah. Semua ini memerlukan pengorbanan yang amat tinggi martabatnya.

Antara hasil pengorbanan itu adalah seperti yang kita lihat sebentar tadi, begitu ramai pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan

Sidang 11, Sesi Pagi, Jumaat 20 Mei 2011

Kimia dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah dianugerahkan dengan diploma dan ijazah, atas kejayaan mereka lulus pengajian dalam bidang masing-masing. Tahniah saya ucapkan kepada para graduan.

Saya dan seluruh warga kerja universiti ini sentiasa mendoakan agar saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, untuk dunia dan akhirat.

Harapan saya setelah bergelar graduan, saudara-saudari tidak akan lupa kepada jasa pihak-pihak yang telah membawa saudara-saudari sampai ke tahap ini.

Kita hendaklah bersyukur kepada Allah. Kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara, dan kepada seluruh rakyat Malaysia. Luahkanlah kesyukuran kita dengan menjadi insan yang berguna, berjasa kepada agama, bangsa, dan negara.

Saya juga berharap, apabila saudara-saudari berjaya dalam kehidupan masing-masing, ingatlah universiti tempat saudara-saudari mula menerokai kehidupan dan cabaran sebagai seorang mahasiswa. Sumbangkan apa saja yang boleh kepada UiTM, agar universiti ini dapat terus membela nasib dan mengubah destini anak bangsa kita dengan jayanya.

Saya percaya sebagai alumni UiTM, semangat "UiTM Sentiasa di Hatiku" akan terus menebal dan bersemarak di dalam jiwa saudara-saudari.

Dalam masa yang sama, kita janganlah lupa kepada jasa para guru dan pensyarah kita. Kita juga mesti ingat pengorbanan ayah dan ibu kita.

Sebagai simbolik kepada ingatan itu, apa kata saya mohon para graduan untuk berdiri sebentar...

Sidang 11, Sesi Pagi, Jumaat 20 Mei 2011

Pandang ke hadapan, ke atas pentas, dan berikan tepukan gemuruh kepada pensyarah dan kakitangan UiTM...

(SETELAH SELESAI....)

Sekarang saya minta para graduan, pusing ke arah belakang, lihatlah dan berikan lambaian serta tepukan yang paling gemuruh kepada ayah dan ibu serta sanak saudara di atas sana ...

(SETELAH SELESAI....)

Terima kasih... dan sila duduk semula.

Terima kasih...

Saudara saudari, hadirin sekalian;

Dalam kegembiraan para graduan sebentar tadi, perasaan saya terusik dan terasa sayu...

Saya gembira melihat anak-anak kita melambai kepada ibu bapa mereka yang berada di dalam dewan ini, ibu bapa pun ada yang tersenyum, ada yang mengalirkan air mata gembira, dan membalaik lambaian kepada anak-anak mereka. Saya dapat bayangkan betapa tersentuhnya perasaan mereka.

Sebahagian daripada hati kecil saya pula amat terharu, mungkin ada di kalangan anak-anak kita yang tidak tahu untuk melambai kepada sesiapa. Bukan kerana mereka malas melambai, tetapi sebab mereka tidak tahu kepada siapa mereka nak lambai, kerana ibu dan ayah mereka tiada di sini.

Ibu dan ayah mereka tidak berada di sini mungkin kerana tidak berkesempatan, atau tidak berkemampuan untuk datang. Mungkin juga mereka seperti ibu saya dahulu, tidak cukup duit nak datang.

Sidang 11, Sesi Pagi, Jumaat 20 Mei 2011

Ada juga atas sebab-sebab kesihatan mereka tidak dapat datang.

Malah, ada di antara para graduan yang ibu dan ayahnya sudah tiada lagi di dunia ini.

Jika itulah sebabnya, marilah kita sama-sama bertafakur sejenak, dan hadiahkan Al-Fatihah untuk mereka yang terlebih dahulu telah pergi meninggalkan kita.

Al-Fatihah.

(SETELAH SELESAI)

Amin Ya Robal Alamin....

Terima kasih.

Hadirin sekalian;

Ingalah, tanpa ayah dan ibu, kita tidak akan sampai di sini.
Kita tidak akan berpeluang memijak kaki di atas muka bumi
Allah ini.

Jika kita tidak mengingati akan susah payah ibu dan ayah,
kita mungkin mudah tergelincir dan menjadi anak durhaka.

Jika ada kalanya ayah dan ibu menegur kita, anggaplah itu
satu permintaan suci dari insan amat sayang pada kita.

Jangan pula oleh kerana satu teguran ayah dan ibu yang
menyentuh kepentingan kita, kita sanggup membelakangi
mereka, dan durhaka kepada mereka.

Jangan sesekali, apabila berjumpa seorang yang bermulut
manis, yang menjamu kita makan di restoran yang enak-

enak, kita sudah lupa kepada tangan ayah dan ibu yang sudah beribu kali menuap kita.

Janganlah menjadi anak yang sompong. Sentiasalah berdoa kepada ayah dan ibu setiap kali selepas kita bersolat.

Sementara ayah dan ibu masih ada, jangan susahkan hati mereka, terutamanya jika kini mereka sudah berada di penghujung usia.

Mereka tidak pernah meminta kita untuk membalaik segala jasa mereka membesarakan kita. Mereka hanya mahukan kita berjaya sebagai insan di dunia dan di akhirat.

Jadilah anak yang berbakti, yang disenangi, yang dibanggai oleh ayah dan ibu, sebelum terlambat, sebelum kita menyesal.

Jika kita menangis seribu kali di atas kubur mereka pun, ayah dan ibu, tetap tiada penggantinya.

Ayah dan ibu adalah segala-galanya bagi kita. Begitu juga sebaliknya, bagi ayah dan ibu, kita adalah segala-segalanya bagi mereka, kerana kita adalah satu amanah yang amat suci, yang Allah kurniakan kepada mereka.

Oleh sebab itulah mereka sanggup **Berkorban Apa Saja** demi kebahagian kita.

(TAYANGAN VIDEO "BERKORBAN APA SAJA)

SELESAI VIDEO...

Akhir kata, saya doakan para hadirin selamat pulang ke destinasi masing-masing dan mogak sentiasa dilindungi Allah.

Terima kasih.

WABILLAH

HITAUIFK

WALHIDAYAH,

WASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH.